

"DAN berpegang teguhlah kamu kepada tali (agama) Allah dan janganlah kamu bercerai-berai, dan ingatlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa Jahiliah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (dengan nikmat agama Islam), maka menjadikanlah kamu dengan nikmat-Nya itu (orang-orang Islam yang) bersaudara. Dan dahulunya kamu berada di tepi jurang neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya (dengan sebab nikmat Islam). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya supaya kamu mendapat hidayah". - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-Imran, ayat 103.

WUJUDKAN SKIM LATIHAN DA'IE UNTUK MEMPERKASA KUALITI DA'IE-DA'IE



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah ketika berangkat mengadakan Lawatan Tidak Berjadual ke Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU). - Foto Azmah Haji Ahad.

Oleh : Nooratini Haji Abas

BERAKAS, Khamis, 24 Mac. - Konsep meramaikan kakitangan atau pegawai memanglah menjadi kecenderungan biasa tetapi hanya dengan meramaikan tenaga sahaja, belumlah tentu menjamin yang tenaga-tenaga ramai itu akan mampu menggalas tugas-tugas besar, jika tenaga-tenaga tersebut tidak atau kurang berkualiti, ertinya di sini, yang penting itu ialah kualiti jua.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian semasa berkenan mengadakan Lawatan Tidak Berjadual ke Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), di sini.

Oleh itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan sebelum cadangan meramaikan da'ie terbangkit, sepatutnya da'ie-da'ie yang sedia ada, *dikelilingi* dan diperkasa kualiti mereka terlebih dahulu.

>> Muka 3



Berita Utama



9,076 kes aktif dilaporkan

Muka 6



TINGKAT kepimpinan instruksional, profesional pemimpin sekolah

Muka 13



RENCANA

KEMPEN Earth Hour selamatkan perubahan iklim

Muka 28

Perutusan tahniah sempena Hari Kemerdekaan Republik Rakyat Bangladesh



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Md. Abdul Hamid dan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina serta kerajaan dan rakyat Republik Rakyat Bangladesh.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Md. Abdul Hamid dan Perdana Menteri Republik

Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina serta kerajaan dan rakyat Republik Rakyat Bangladesh sempena dengan Hari Kemerdekaan Republik Rakyat Bangladesh.

Perutusan takziah berikutan nahas pesawat China

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan takziah kepada Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping, Premier of the State Council, Republik

Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Keqiang, kerajaan dan rakyat Republik Rakyat China berikutan dengan nahas pesawat China Eastern MU5735, di Wilayah Guangxi, baru-baru ini.

STATISTIK COVID-19

NEGERA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 25 MAC 2022, jam 4.00 petang

756 Jumlah kes hari ini

1,581 Jumlah kes yang sembuh hari ini

129,837 Jumlah kes jangkitan

0 Jumlah kes kematian 24 jam lalu

120,561 Jumlah kes yang sembuh

Politeknik Brunei berperanan sediakan sumber manusia berkualiti

Bismillahirrahmannirrahim
Assalamualaikum Warrahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhannahu Wata'ala kerana dengan izin dan atas limpah rahmat-Nya jua kita dapat sama-sama hadir di Majlis Konvokesyen Politeknik Brunei Ke-7 pada pagi ini.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada 629 graduan pengambilan ke-9 yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka.

Pada masa yang sama saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Politeknik Brunei sempena ulang tahunnya yang ke-10 semenjak penubuhannya pada tahun 2012 yang lalu.

Dunia pada masa ini masih bergelut dengan wabak COVID-19 yang mana telah memberikan cabaran dalam banyak aspek kehidupan kita. Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali berhadapan dengan impak COVID-19 dan salah satu sektor yang terkesan ialah Sektor Pendidikan.

Alhamdulillah, di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, negara kita telah beralih ke Fasa Awal Endemik di mana kita telah mengintegrasikan norma baharu ke dalam kehidupan seharian.

Kementerian Pendidikan sedang dan akan terus melaksanakan pelbagai usaha dalam memartabatkan kualiti pendidikan di negara ini.

Kementerian Pendidikan melalui institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta, seperti Politeknik Brunei dengan kerjasama padu dari setiap pihak berkenaan melalui pendekatan Whole of Nation,

insyaaAllah akan dapat menghasilkan graduan-graduan yang berkualiti tinggi, berdaya tahan, dinamik dan mampan selaras dengan hasrat negara bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Saya difahamkan bahawa Politeknik Brunei (PB) telah giat melaksanakan usaha-usaha dalam meningkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran bagi membantu para pelajar mengadaptasi diri mereka kepada norma baharu.

Di antara inisiatif PB ialah penggunaan Politeknik Brunei Learning Management System (PBLMS) dan Politeknik Brunei Virtual Learning Experience (PBVLX) yang mana membolehkan para pelajar dapat mengakses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dengan menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih menarik, unik dan interaktif.

Bagi menampung keperluan bagi pembelajaran hibrid dalam norma baharu ini, Politeknik Brunei mempunyai projek rintis PB Hybrid-Flexible (HyFlex) Blended Teaching and Learning yang merupakan sebuah model penyampaian kursus yang membolehkan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara bersempua di lokasi fizikal yang disegerakkan (*synchronised*) dengan pembelajaran dalam talian.

Saya menyambut baik perkara tersebut kerana ia merupakan salah satu inisiatif yang diambil oleh Politeknik Brunei bagi tujuan penambahbaikan program-program yang sedia ada. Saya juga berharap agar institusi-institusi pendidikan yang lain akan mengambil peluang untuk mengintegrasikan teknologi untuk memenuhi keperluan norma baharu ini.

Saya juga turut difahamkan bahawa pelajar-pelajar serta tenaga pengajar PB juga melibatkan diri sebagai sukarelawan barisan

hadapan di pusat-pusat klinikal dan menjayakan Program Vaksinasi Kebangsaan bagi COVID-19 di Pusat-pusat Vaksinasi Kebangsaan.

Pengalaman yang diperoleh oleh para pelajar dan tenaga pengajar PB adalah sangat bermanfaat kerana secara tidak langsung ia dapat memberikan peluang kepada mereka untuk mempraktikkan nilai-nilai murni dan mempelajari perkara-perkara baru, yang mungkin tidak diperoleh di dalam bilik kuliah, di samping dapat mewujudkan rangkaian kerjasama yang sangat berguna apabila para pelajar menamatkan kursus masing-masing nanti.

Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada PB di atas komitmen dan kerjasama yang padu dalam mengukuhkan usaha-usaha sedemikian demi kecemerlangan institusi ini.

Sebagai satu-satunya Politeknik di Negara Brunei Darussalam, Politeknik Brunei mempunyai peranan yang signifikan dalam menyediakan sumber manusia yang berkualiti bagi menyokong pembangunan serta kemajuan sosioekonomi negara.

Dalam hubungan ini, Politeknik Brunei perlu untuk mensasarkan inisiatif-inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Politeknik Brunei 2021-2025 sejajar dengan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2018-2022; Brunei Darussalam Digital Economy Masterplan 2025; dan Economic Blueprint negara ini dengan asas utama untuk mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Saya penuh berharap Politeknik Brunei akan dapat terus maju ke hadapan untuk menjayakan pelan pembangunan tersebut dengan menawarkan pendidikan dan latihan yang berkualiti didorong oleh keperluan industri khususnya dalam menghasilkan




MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman semasa berucap pada Majlis Konvokesyen Politeknik Brunei Ke-7, pada Khamis, 10 Mac 2022, di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

graduan yang inovatif dan siap sedia untuk masa hadapan sepertimana dalam misi dan visi Politeknik Brunei.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan yang diraikan pada pagi ini. Semoga dengan kejayaan ini, para graduan akan dapat menyumbangkan khidmat kepada agama, bangsa dan negara dengan tidak melupakan landasan luhur negara kita, Melayu Islam Beraja. Segala kemahiran dan pengalaman yang telah diperoleh semasa mengikuti pengajian di Politeknik Brunei hendaklah dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya serta ditambah dengan niat yang ikhlas untuk menabur bakti bagi sama-sama membangun dan memajukan Negara Brunei Darussalam.

>> Muka 6
















WAKTU SEMBAHYANG

MAC MASIHI	HARI	SYAABAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
26	SABTU	23	4.55	5.05	6.22	6.44	12.27	3.32	6.30	7.39
27	AHAD	24	4.54	5.04	6.22	6.44	12.27	3.31	6.30	7.39
28	ISNIN	25	4.54	5.04	6.21	6.43	12.27	3.30	6.30	7.39
29	SELASA	26	4.54	5.04	6.21	6.43	12.26	3.29	6.30	7.39
30	RABU	27	4.53	5.03	6.20	6.43	12.26	3.28	6.29	7.39
31	KHAMIS	28	4.53	5.03	6.20	6.42	12.26	3.27	6.29	7.38
1 APRIL	JUMAAT	29	4.52	5.02	6.19	6.42	12.25	3.26	6.29	7.38

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan 31 25 °C 	30 24 °C 	30 24 °C 
Pekan Bangar 31 25 °C 	30 24 °C 	30 24 °C 
Pekan Tutong 31 24 °C 	30 24 °C 	30 24 °C 
Kuala Belait 31 24 °C 	30 24 °C 	30 24 °C 

Wallahuallah Bissawab
Sumber: Perkhidmatan Kajiucua Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG

26 MAC 2022

Amaran awal penting, kurangkan risiko bencana

NEGARA Brunei Darussalam (NBD) bersama negara Ahli Pertubuhan Kajiucua Sedunia (WMO) menyambut Hari Kajiucua Sedunia pada 23 Mac setiap tahun bagi memperingati berkuat kuasanya konvensi WMO pada tahun 1950.

Sambutan tersebut juga adalah bagi menghargai sumbangan penting yang diberikan oleh Perkhidmatan-perkhidmatan Kajiucua dan Hidrologi Kebangsaan (NMHSs) dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat di seluruh dunia.

Pada tahun ini, tema sambutan ialah 'Amaran Awal dan Tindakan Awal' atau 'Early Warning and Early Action' bagi menekankan kepentingan maklumat hidrometeorologi dan iklim untuk pengurangan risiko bencana.

Menurut WMO, sepanjang 50 tahun yang lalu, terdapat lebih daripada 11,000 bencana dicatatkan yang dikaitkan dengan cuaca, iklim dan air yang mengakibatkan lebih dua juta korban jiwa dan kerugian ekonomi sebanyak US\$3.64 trilion.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof dalam Perutusan sempena memperingati Hari Kajiucua Sedunia 2022, baru-baru ini.

Dalam Perutusan tersebut, Yang Berhormat turut mengongsikan data dari Atlas of Mortality and Economic Losses from Weather, Climate and Water Extremes 1970-2019 yang diterbitkan oleh WMO, menjelaskan bahawa jumlah kejadian bencana antara tahun 1970 dan 2019 meningkat lima kali ganda, manakala kerugian ekonomi pula meningkat lebih tinggi sehingga tujuh kali ganda.

Sementara itu, jumlah korban jiwa menurun hampir tiga kali ganda sejak tahun 1970, satu penurunan hasil daripada amaran awal dan strategi pengurangan risiko bencana yang semakin bertambah baik.

Keupayaan pengeluaran amaran awal adalah hasil daripada pelbagai kemajuan teknologi juga hasil penyelidikan yang dibuat berdekad-dekad lamanya.

Perkembangan dari segi pengguna pakaian kaedah Artificial Intelligence seperti penggunaan *supercomputers* dan teknologi satelit banyak membantu dalam penyediaan ramalan yang lebih cepat dan tepat.

Penyelidikan dapat memberikan pelbagai khidmat mengikut kehendak para pengguna. Manakala kemajuan teknologi perhubungan seperti telefon bimbit membolehkan penghantaran amaran awal dengan lebih cepat dan pada jarak pencapaiannya sehingga ke kawasan yang terpencil.

Menurut Yang Berhormat, NBD melalui Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam (BDMD) juga menitikberatkan penggunaan Sistem Amaran Awal (Early Warning System) dalam pemberian amaran cuaca kepada orang awam.

Amaran Cuaca Berkod Warna (Colour Coded Weather Warning) merupakan kaedah yang digunakan sejak tahun 2010. Kaedah yang sama juga digunakan oleh kebanyakan Negara Ahli WMO dan ia merupakan satu kaedah yang senang difahami dan sangat efektif.

Dengan adanya penyediaan amaran cuaca berkod warna ini juga dihasratkan untuk mendukung usaha Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) dalam membuat sebarang penyelarasan dengan pelbagai agensi berkaitan dalam menangani pelbagai isu berkaitan dengan bencana kebangsaan.

Di samping itu, penyediaan amaran cuaca ini adalah bagi meningkatkan kesiapsiagaan orang awam untuk sentiasa peka akan risiko bencana dan mengetahui tindakan awal yang perlu diambil ketika menghadapi bencana.

Selain itu, maklumat berkaitan amaran cuaca ini juga dapat dimanfaatkan oleh orang ramai sebagai sumber rujukan bagi mengetahui keadaan cuaca yang bakal dihadapi bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan apabila berdepan dengan keadaan cuaca buruk dan sebagainya. - **Ketua Penyuntingan (Rd)**

Wujudkan skim latihan da'ie untuk memperkasa kualiti da'ie-da'ie

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Azmah Haji Ahad

>> Muka 1

"Bagaimana cara *mengelinga* dan memperkasa, mungkin sahaja misalnya dengan mewujudkan Skim Latihan Da'ie yang membolehkan pegawai-pegawai yang berkenaan diberikan latihan-latihan bagaimana melakukan dakwah yang berkesan atau mungkin juga di bawah skim ini pegawai yang berpotensi dirancang untuk mengambil PhD dalam bidang dakwah di mana antara metodologi kajian nanti termasuk menemu bual da'ie-da'ie yang sudah dikenal pasti berkali-

sama ada di dalam atau di luar negara dan meminta mereka itu mengongsikan pengalaman dan cara bagaimana menyampaikan dakwah yang berkesan serta apa resipi yang perlu bagi tujuan tersendiri," titah baginda lagi.

Menurut baginda, apabila calon Doktor Falsafah itu lulus dengan tesis yang dihasilkan kaya dengan fakta dan butir-butir kajian, maka tidak ragulah lagi individu itu dengan sendirinya akan jadi pakar pendakwah atau akan berperanan selaku guru pembimbing yang bertauliah kepada da'ie yang

sedia ada.

Jika ini berlaku, maka tegas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam barulah dapat ditunggu satu perubahan besar mungkin berlaku ke atas pendakwah-pendakwah dan juga ke atas dunia dakwah sendiri. Dari keadaannya suram kepada berkeadaan terang.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah berkata perkara tersebut belum pernah lagi difikirkan sedang dalam PDI sendiri dan baginda yakin, mempunyai tenaga-tenaga yang layak untuk diberi kesempatan mencuba.

Bukan itu sahaja, baginda juga dalam titah, mengambil



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah ketika berangkat mengadakan Lawatan Tidak Berjadual ke Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

maklum bahawa KHEU, telah memohonkan penambahan jawatan seramai 195 orang

bagi Bahagian Da'wah sahaja untuk merealisasikan keperluan dakwah.

KEPERLUAN DALAM MELAHIRKAN PENDAKWAH BERKALIBER

BERAKAS, Khamis, 24 Mac. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI) sebagai salah sebuah jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) berperanan amat penting untuk menentukan syiar Islam menyerlah di negara ini.

Justeru, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengingatkan, bahawa tanggungjawab besar itu tidak boleh dielak.

Bahkan, dalam titah, baginda menekankan bahawa PDI belum lagi dapat menemui tanggungjawab tersebut kerana beberapa faktor kelemahan masih sahaja membelenggu pusat ini terutama dari sudut penstrukturan jawatan belum dilihat teratur.

"Walaupun namanya Jabatan PDI, namun dalam penstrukturan tidak terdapat jawatan pendakwah, kerana itu berakulah konflik siapa yang akan ditugaskan untuk berdakwah atau berceramah bagi mengisi Program Dakwah.

"Pegawai-pegawai yang ada sering bertolak-tolakan sehingga ada yang berkata,

"Saya tidak ada kena-mena dengan ceramah. Jawatan saya bukan penceramah atau pendakwah," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam lagi semasa berkenan mengadakan Lawatan Tidak Berjadual ke PDI, di sini.

Dalam titah, baginda menegaskan bahawa PDI lalu terdesak meminta bantuan daripada guru-guru ugama atau pegawai-pegawai masjid atau lepasan-lepasan graduan universiti untuk berceramah dengan membayar elaun kepada

mereka.

Baginda menegaskan kalaulah itu terus-menerus diamalkan, maka sampai bila pun dakwah di Brunei tidak akan menyerlah bahkan sebaliknya akan terus malap dan layu.

Bukan itu sahaja, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah dimaklumkan bahawa untuk melahirkan pendakwah tempatan berkali-berkali, KHEU telah mengadakan latihan-latihan formal melalui seminar, forum, kursus, persidangan, lawatan sambil belajar dan juga menghantar da'ie atau penceramah PDI untuk

mengikuti program melalui Memorandum Persefahaman (MoU) bersama negara-negara MABIMS dan lain-lain.

Oleh yang demikian, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah menyifatkan walaupun cara itu pada dasarnya baik, namun untuk melahirkan pendakwah berkali-berkali, rasa-rasanya belum mencukupi kerana hanya dengan mengambil bahagian di dalam seminar-seminar, forum-forum, atau persidangan-persidangan atau lawatan-lawatan sambil belajar sahaja, pastinya belum berupaya untuk menjadikan seorang itu da'ie yang berkali-berkali.



ANTARA yang hadir pada Lawatan Tidak Berjadual Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (kiri dan kanan).

LAWATAN TIDAK BERJADUAL KEBAWAH DYMM KE PDI



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin,
Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Khamis, 24 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam berkenan berangkat mengadakan Lawatan Tidak Berjadual ke Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), di sini.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Dewan Persidangan PDI dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Juga menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Setiausaha Tetap Perkhidmatan Awam, Kesejahteraan, Antarabangsa dan Media di Jabatan Perdana Menteri, Awang Mohamed Riza bin Dato Paduka Haji Mohamed Yunos; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; dan Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Keberangkatan tidak berjadual tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama salah seorang Da'ie pada Lawatan Tidak Berjadual tersebut.

Haji Ali.

Ini diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama yang antara lain menyebarkan mengenai struktur dan jumlah keseluruhan da'ie dan seterusnya Kebawah DYMM berkenan mengurniakan titah.

Baginda kemudian berkenan mengadakan Sesi Dialog bersama para da'ie (pendakwah) di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Selesai Sesi Dialog, Kebawah DYMM berkenan menandatangani lembaran kenangan, seterusnya berangkat melihat secara lebih dekat Kursus Skim Bimbingan Asas Muallaf, yang sedang dijalankan di Bilik Serbaguna, PDI.

Sebelum mengakhiri lawatan, baginda juga berkenan berinteraksi dengan para Da'ie dan warga pusat berkenaan.

PDI mula beroperasi pada 8 Rabiulakhir 1405 bersamaan 1 Januari 1985 dan perasmianya disempurnakan oleh Kebawah DYMM, pada 1 Muharam 1406 bersamaan 16 September 1985.

Visi pusat tersebut adalah 'Memperkasakan Keragaman dan Amalan Ugama Islam sebagai Cara Hidup yang Lengkap dan Sempurna bagi Mencapai Negara Zikir dan Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafur'.

Manakala misinya pula adalah 'Menyebarkan dan Memantapkan Ajaran serta Penghayatan Ugama Islam kepada Rakyat dan Penduduk

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan, sebelum berkenan mengurniakan titah ketika berangkat mengadakan Lawatan Tidak Berjadual ke Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

negara ini bagi Kesejahteraan Beragama dan Bernegara menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah Mazhab Safi'e'.

Selain itu, PDI mempunyai beberapa bahagian, termasuk Bahagian Pengembangan Da'wah; Bahagian Pengembangan Muallaf; Bahagian Pembangunan Muallaf; Bahagian Pentadbiran; Bahagian Perancangan, Kajian dan Penerbitan; Bahagian Penapisan dan Pameran; Bahagian Penyebaran Da'wah; Bahagian Media; Urusetia Penerbitan Tafsir Mushaf Brunei Darussalam; dan Urusetia Program Keugamaan Belia (PKB), KHEU.

Bahagian Pengembangan Da'wah, antaranya berperanan dalam dakwah kepada yang bukan Islam (non-Muslim), di kawasan bandar dan pedalaman juga berperanan untuk mengislamkan mereka yang hendak memeluk agama Islam.

Jumlah keseluruhan orang-orang yang memeluk agama Islam di NBD dari Tahun 1971 hingga 2020 adalah seramai 20,030 orang.

Statistik jumlah pengislaman pada tahun 2021 bagi Daerah Brunei dan Muara, iaitu seramai 175 orang; Tutong, iaitu 96 orang; sementara Belait; dan Daerah Temburong, masing-masing seramai 68; dan 17 orang.

Bukan itu sahaja, orang-orang yang memeluk agama Islam seluruh NBD, dari tahun 1985 hingga 2019, mengikut puak ialah seramai 16,599 orang.

Salah satu bahagian, iaitu Bahagian Penyebaran Da'wah, di mana bahagian ini berperanan meningkatkan dan mengukuhkan kefahaman juga penghayatan ajaran-ajarannya kepada segenap lapisan masyarakat Islam di negara ini, dengan berkonsepkan Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah - Mazhab Syafi'e'. Bahagian ini juga terbahagi pada tiga, iaitu ceramah, kursus dan kaunseling.

>> Muka 5



PARA Pegawai dan Kakitangan PDI, KHEU menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali (atas, kiri dan kiri sekali).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melawat Kursus Skim Bimbingan Asas Muallaf, yang sedang dijalankan di Bilik Serbaguna, PDI dan beramah mesra bersama salah seorang peserta kursus tersebut, pada Lawatan Tidak Berjadual baginda berkenaan (kiri dan kanan), sementara gambar bawah kanan, baginda berkenan menandatangani lembaran kenangan.

>> Muka 4

Sementara itu, jumlah penceramah keseluruhan adalah seramai 148 penceramah, di mana mereka terdiri daripada penceramah PDI, iaitu seramai 27 orang; Da'ie Bertauliah, iaitu 48 orang; Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) seramai 17 orang; Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) seramai 19 orang; Jabatan Hal Ehwal Masjid, iaitu 10 orang; Jama'at seramai 14 orang; Jabatan Mufti Kerajaan seramai tujuh orang; dan Jabatan Pengajian Islam seramai tujuh orang.

Baru-baru ini, KHEU melalui PDI dengan kerjasama Persatuan-persatuan Muallaf Seluruh Negara juga menganjurkan acara berkebajikan melalui Projek Fathul Barakah 3.0 ke rumah-rumah muallaf, di Daerah Brunei dan Muara;

Daerah Tutong; Daerah Belait; dan Daerah Temburong.

Sebanyak tujuh buah keluarga muallaf, di Mukim Sengkurong; Kampung Sengkurong; Kampung Tanjung Nangka; dan Kampung Mulaut menerima sumbangan bantuan, di bawah projek berkenaan, sementara lapan Ketua Keluarga Muallaf, di Kampung Bengkurong; Kampung Masin; Kampung Sinarubai; dan Kampung Bebuloh juga menerima bantuan yang sama.

Kemudian, sebanyak 10 buah keluarga muallaf, di Daerah Temburong juga menerima sumbangan menerusi projek tersebut, iaitu berupa keperluan harian secara pandu lalu, manakala 10 buah keluarga muallaf dari Daerah Tutong turut menerima sumbangan dari Projek Fathul Barakah 3.0 berkenaan.

Penyerahan bantuan, berupa makanan asasi kepada 10

keluarga muallaf yang memerlukan dari Daerah Belait diadakan secara pandu lalu oleh Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf), dengan kerjasama Unit Da'wah Daerah Belait dan Persatuan Sinar Islam.

Projek Fathul Barakah 3.0 tersebut adalah untuk membantu meringankan perbelanjaan dalam menyediakan keperluan harian keluarga muallaf yang memerlukan.

Ia juga merupakan salah satu dakwah 'bil hal', dalam memeduli perkembangan kehidupan juga kebajikan asnaf muallaf supaya mereka dapat menjalankan ibadah dengan sempurna.

Selain itu, projek seumpama ini dapat mengeratkan lagi hubungan ukhuwah di antara persatuan-persatuan muallaf seluruh negara bersama PDI, dalam sama-sama mengunyahahkan kerja-kerja berkebajikan untuk kesejahteraan

para muallaf, khususnya di negara ini.

Dalam hal ini, PDI sentiasa komited dan akan berusaha dari

semasa ke semasa, dalam meningkatkan prestasi juga kualiti perkhidmatan, sejajar dengan visi dan misi jabatan tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan disembahkan dan beramah mesra bersama para Pegawai dan Kakitangan PDI, KHEU ketika lawatan tersebut (kiri dan kanan), sementara gambar bawah kiri dan bawah kanan, baginda berkenan mengabadikan kenangan bersama para da'ie dan Warga PDI, KHEU.



9,076 KES AKTIF DILAPORKAN



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang diadakan di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BERAKAS, Jumaat, 25 Mac. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai, bahawa sebanyak 756 kes baharu dilaporkan pada hari ini, yang membawa kepada jumlah keseluruhan sebanyak 129,837 kes.

Daripada jumlah kes baharu ini, sebanyak 664 kes adalah hasil Ujian Pantas Antigen (ART) yang dimuat naikkan ke aplikasi BruHealth, manakala 92 kes adalah hasil daripada 1,448 Ujian Makmal RT-PCR, yang dilakukan dalam masa 24 jam lalu.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, seterusnya menjelaskan, 1,581 kes disahkan sembuh pada hari ini,

yang membawa jumlah kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada 120,561 kes, manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak 9,076 kes.

Terdahulu, Yang Berhormat mengongsikan, jumlah kes dalam Kategori 4 adalah sebanyak sembilan kes, iaitu penambahan satu kes dalam kategori ini.

"Manakala, terdapat pengurangan dua kes dalam Kategori 5, yang membawa kepada jumlah kes di dalam kategori ini sebanyak satu kes. Jumlah kes dalam Kategori 4 dan Kategori 5, pada ketika ini ialah 3.8 peratus daripada keupayaan rawatan Kategori 4 dan 5, di Pusat Pengasingan Kebangsaan.

"Pada masa ini, kadar pengisian katil di Pusat-pusat Pengasingan, di seluruh negara atau *bed occupancy rate* ialah sebanyak

3.8 peratus. Dalam pada itu, 139 kes aktif sedang menerima rawatan, di Pusat-pusat Pengasingan dan hospital-hospital, manakala seramai 8,937 kes positif kini sedang menjalani pengasingan diri di rumah," tambah Yang Berhormat lagi.

Mengenai Program Vaksinasi Kebangsaan, Yang Berhormat kemudiannya menjelaskan, hingga 24 Mac 2022, pencapaian Program Vaksinasi Kebangsaan bagi mereka yang menerima tiga dos vaksin ialah sebanyak 60.5 peratus daripada keseluruhan penduduk, di negara ini.

Bagi sekatan pergerakan yang dijalankan dari jam 12.00 malam semalam hingga 4.00 pagi, sebanyak lima pelanggaran arahan dikeluarkan denda kompaun, di seluruh negara, di mana kesemuanya adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah, terang Yang Berhormat.

MAKLUMAT PENTING COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

664 kes baharu hasil ART,
92 kes lagi hasil Ujian Makmal RT-PCR

Kementerian Kesihatan, pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam ingin memaklumkan kepada orang ramai, bahawa sebanyak 756 kes baharu dilaporkan pada hari ini, yang membawa kepada jumlah keseluruhan sebanyak 129,837 kes.

Daripada jumlah kes baharu ini, menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan, sebanyak 664 kes adalah hasil Ujian Pantas Antigen (ART) yang dimuat naikkan ke aplikasi BruHealth, manakala 92 kes adalah hasil daripada 1,448 Ujian Makmal RT-PCR, yang dilakukan dalam masa 24 jam lalu.

9 kes Kategori 4, 1 kes Kategori 5 dicatatkan

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengongsikan, jumlah kes dalam Kategori 4 adalah sebanyak sembilan kes, iaitu penambahan satu kes dalam kategori ini.

"Manakala, terdapat pengurangan dua kes dalam Kategori 5, yang membawa kepada jumlah kes di dalam kategori ini sebanyak satu kes. Jumlah kes dalam Kategori 4 dan Kategori 5, pada ketika ini ialah 3.8 peratus daripada keupayaan rawatan Kategori 4 dan 5, di Pusat Pengasingan Kebangsaan.

139 kes aktif terima rawatan di Pusat Pengasingan, hospital,
8,937 lagi jalani pengasingan diri di rumah

"Pada masa ini, kadar pengisian katil di Pusat-pusat Pengasingan, di seluruh negara atau *bed occupancy rate* ialah sebanyak 3.8 peratus. Dalam pada itu, 139 kes aktif sedang menerima rawatan, di Pusat-pusat Pengasingan dan hospital-hospital, manakala seramai 8,937 kes positif kini sedang menjalani pengasingan diri di rumah," tambah Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

60.5 peratus keseluruhan penduduk terima 3 dos vaksin

Mengenai Program Vaksinasi Kebangsaan, Yang Berhormat Menteri Kesihatan kemudiannya menjelaskan, hingga kelmarin, 24 Mac 2022, pencapaian Program Vaksinasi Kebangsaan bagi mereka yang menerima tiga dos vaksin ialah sebanyak 60.5 peratus daripada keseluruhan penduduk, di negara ini.

5 pelanggaran arahan dikompaun

Bagi sekatan pergerakan yang dijalankan dari jam 12.00 malam semalam hingga 4.00 pagi, sebanyak lima pelanggaran arahan dikeluarkan denda kompaun, di seluruh negara, di mana kesemuanya adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah, terang Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19 148



www.moh.gov.bn corp.comms@moh.gov.bn

SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM **SITUASI TERKINI**
25 MAC 2022

RAWATAN DI HOSPITAL-HOSPITAL	
KATEGORI 4 [BANTUAN OKSIGEN DAN DI BAWAH PEMANTAUAN RAPI]	KATEGORI 5 [BANTUAN MESIN PERNAFASAN DAN DIRAWAT DI ICU]
9	1

KES BARU: **756**

92 RT-PCR	664 ART
------------------	----------------

JUMLAH KES KESELURUHAN: **129,837**

JUMLAH UJIAN RT-PCR (DALAM 24 JAM YANG LALU): **1,448**

HALUAN

Politeknik Brunei berperanan sediakan sumber manusia berkualiti

>> Muka 2

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk menekankan kepada para graduan untuk memanfaatkan segala ilmu pengetahuan dan pengalaman yang telah diperolehi. Amalkanlah pembelajaran sepanjang hayat atau *lifelong learning* agar para graduan sentiasa relevan dan mempunyai pengetahuan terkini dalam apa jua bidang yang diceburi.

Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada tenaga pengajar dan ibu bapa serta penjaga yang telah berusaha gigih dalam memberikan sokongan dan dorongan sehingga kita dapat menyaksikan kejayaan para graduan pada hari ini.

Sekian.
Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

COVID-19: 775 KES BAHARU DICATATKAN

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Khamis, 24 Mac. - Jumlah kes dalam Kategori 4 dan Kategori 5 masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak satu kes menjadikan jumlah kes Kategori 4 sebanyak lapan kes dan Kategori 5 sebanyak tiga kes yang dicatatkan pada hari ini.

Jumlah kes dalam Kategori 4 dan Kategori 5 pada ketika ini ialah 5.0 peratus daripada keupayaan rawatan Kategori 4 dan 5 di Pusat Pengasingan Kebangsaan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mengongsikan mengenai perkara tersebut semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan.

Dalam masa 24 jam lalu, satu kes COVID-19 meninggal dunia, di mana kes ini tidak dikategorikan sebagai kematian disebabkan COVID-19.

Yang Berhormat mewakili Warga Kementerian Kesihatan dan keseluruhan Rakyat Negara Brunei Darussalam mengucapkan takziah kepada keluarga

Allahyarham dan mendoakan semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama-sama para solihin.

Dalam pada itu, sebanyak 775 kes baharu dilaporkan hari ini, yang membawa kepada jumlah keseluruhan meningkat sebanyak 129,081 kes.

Daripada jumlah kes baharu itu, 627 adalah hasil Ujian Pantas Antigen (ART) yang dimuat naikan ke aplikasi BruHealth, manakala 148 adalah daripada hasil 1,965 Ujian Makmal RT-PCR, yang dilakukan dalam masa 24 jam lalu.

Sementara itu, 1,919 kes disahkan sembuh pada hari ini yang membawa jumlah kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada 118,980 kes, manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak 9,901 kes.

Pada ketika ini, jelas Yang Berhormat, kadar pengisian katil di Pusat-pusat Pengasingan di seluruh negara atau *bed occupancy rate* ialah sebanyak 4.2 peratus.

Dalam pada itu, 155 kes aktif sedang menerima rawatan di Pusat-pusat Pengasingan dan hospital-hospital, manakala seramai 9,746 kes positif kini



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan.

sedang menjalani pengasingan diri di rumah.

Sehingga 23 Mac 2022, pencapaian Program Vaksinasi Kebangsaan bagi mereka yang menerima tiga dos vaksin ialah 60.3 peratus daripada keseluruhan penduduk di negara ini.

Manakala bagi sekatan pergerakan yang dijalankan dari

jam 12.00 tengah malam hingga jam 4.00 pagi, sebanyak empat pelanggaran arahan dikeluarkan denda kompaun di seluruh negara, di mana tiga daripadanya adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah.

Pada mengakhiri Sidang Media, Yang Berhormat turut menganjurkan agar kita memohon

ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Negara Brunei Darussalam sentiasa dipelihara dan dilindungi daripada segala marabahaya dan semoga semua rakyat dan penduduknya diberikan kesihatan, dipermudahkan segala urusan dan dijauhkan daripada segala penyakit, khususnya penyakit COVID-19.



Hari Ching Ming masyarakat Tionghua

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

BERAKAS, Khamis, 24 Mac. - Hari Ching Ming akan diadakan pada Ahad ini. Hari berkenaan merupakan salah satu tradisi masyarakat Tionghua, di mana mereka akan menziarahi perkuburan bagi memberi penghormatan kepada ahli-ahli keluarga mereka yang telah lama meninggal dunia.

"Dinasihatkan setiap orang ramai, khususnya masyarakat Tionghua yang ingin menziarahi perkuburan ahli keluarga mereka hendaklah memakai sungkup muka walaupun berada di ruang udara yang terbuka (*open air*).

"Pastikan juga satu keluarga tidak bercampur dengan keluarga yang lain dan buat penjarakan yang sepatutnya. Masing-

masing bertanggungjawab dalam memastikan supaya tidak ada penyebab penambahan kluster. Diminta keluarga berkenaan untuk mematuhi apa jua garis panduan Prosedur Operasi Standard.

"Membuat Ujian Pantas Antigen (ART) terlebih dahulu adalah amalan yang baik kepada mereka sebelum menziarahi perkuburan tersebut," ujar Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menyuarakan perkara itu semasa menjawab persoalan, yang diajukan oleh media pada sesi soal jawab pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang diadakan di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan.

Walau bagaimanapun, tambah

Ciri baharu BruHealth bermula 25 Mac

Oleh : Khartini Hamir

BERAKAS, Khamis, 24 Mac. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai pengenalan ciri-ciri baharu kepada aplikasi BruHealth yang akan diperkenalkan bermula jam 10.00 malam, pada Jumaat 25 Mac 2022.

Ciri-ciri baharu tersebut ialah pertama, pengemaskinian Protokol Kesihatan bagi mereka yang disahkan positif COVID-19, di mana bagi memudahkan orang ramai mengikuti Protokol Kesihatan Kes-kes COVID-19, Kementerian Kesihatan telah meringkaskan Protokol Kesihatan yang sedia ada.

Hanya satu Ujian Pantas Antigen (ART) positif sahaja dikehendaki sebagai pengesahan kes COVID-19 dan apabila mereka memuat naikan keputusan ART positif ke aplikasi BruHealth, ia dikira sebagai hari pertama.

Seterusnya, kes-kes positif yang sedang menjalani pengasingan diri adalah dikehendaki untuk menjalani ART pada hari keenam.

Jika keputusan ART adalah negatif, mereka akan disahkan sembuh dan dibenarkan menamatkan pengasingan diri apabila Kod BruHealth bertukar ke Hijau.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mengongsikan mengenai perkara tersebut semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan.

Walau bagaimanapun, tambah

Yang Berhormat, jika keputusan ART masih positif pada hari keenam, mereka boleh mengulangi ART pada keesokan harinya dan hari-hari seterusnya sehinggalah keputusan ART menjadi negatif.

Dalam pada itu, jika keputusan ART masih positif pada hari ke-10, mereka akan disahkan sembuh dan dibenarkan menamatkan pengasingan diri pada hari ke-11 secara automatik.

Orang ramai juga adalah dinasihatkan untuk menggunakan Kit ART yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan dan menggunakannya

dengan betul.

Manakala yang kedua adalah mengenai Pengintegrasian Rekod Vaksinasi COVID-19 Luar Negara, di mana menurut Yang Berhormat, rekod vaksinasi COVID-19 yang diperoleh di luar negara kini boleh diintegrasikan dan dikemas kini ke dalam aplikasi BruHealth.

Orang ramai boleh melayari www.healthinfo.gov.bn/travel dan melengkapkan maklumat permohonan di dalam fungsi 'Overseas COVID-19 Vaccination Records', di mana setiap permohonan akan disemak oleh Kementerian Kesihatan sebelum diluluskan.

SAYA POSITIF COVID-19

- LAPORKAN**
Laporkan ART positif dalam BruHealth. Jika awda diuji positif melalui PCR, awda tidak perlu melaporkannya.
Kod Ungu = HARI KE-1 (D1)
- ASINGKAN DIRI**
Asingkan diri dengan segera di rumah.
- PEMULIHAN**
 - Lakukan pemeriksaan sendiri setiap hari dalam BruHealth.
 - Jika simptom semakin teruk, dapatkan nasihat doktor. Awda mungkin memerlukan rawatan di pusat pengasingan.
- DISCAJ**
 - Lakukan ART pada Hari ke-6 dan laporkan keputusan dalam BruHealth.
 - Jika negatif, awda boleh didiscaj apabila kod berubah ke warna hijau.
 - Jika positif, lakukan ART setiap hari sehingga negatif atau sehingga Hari ke-10.

Maklumat lanjut: www.moh.gov.bn | [mohbrunei](https://www.facebook.com/mohbrunei) | 123 | 148

60.2 PERATUS PENDUDUK TERIMA 3 DOS VAKSIN



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang diadakan di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan. Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Rabu, 23 Mac. - Jumlah kes COVID-19 dalam Kategori 4 menurun kepada sembilan kes, manakala dalam Kategori 5 juga menurun kepada empat kes. Ini berikutan dengan pengurangan sebanyak satu kes masing-masing dalam kategori berkenaan.

Jumlah kes dalam Kategori 4 dan 5 pada ketika ini ialah sebanyak 5.0 peratus daripada keupayaan rawatan Kategori 4 dan 5 di Pusat Pengasingan Kebangsaan.

Sementara itu, dalam tempoh masa 24 jam yang lalu, dua kes

COVID-19 meninggal dunia dengan kesemua kes adalah tidak dikategorikan sebagai kematian disebabkan COVID-19.

"Di kesempatan ini, saya mewakili warga Kementerian Kesihatan dan keseluruhan rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD) mengucapkan takziah kepada keluarga-keluarga Allahyarham. Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama-sama para solihin. Al-Fatihah," demikian dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar pada Sidang

Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, yang diadakan di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan, sebanyak 1,006 kes baharu dilaporkan pada hari ini yang membawa kepada jumlah keseluruhan sebanyak 128,306 kes.

Daripada jumlah kes baharu ini jelas Yang Berhormat, sebanyak 819 adalah hasil daripada pengesanan Ujian Pantas Antigen (ART) yang dimuat naikan ke aplikasi BruHealth, manakala 187 adalah daripada hasil 2,045 Ujian Makmal RT-PCR yang dilakukan dalam tempoh masa 24 jam lalu.

Sementara itu tambah Yang



Berhormat, sebanyak 1,923 kes disahkan sembuh pada hari ini yang membawa jumlah kes yang sembuh di NBD kepada 117,061 kes, manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak 11,046 kes.

Yang Berhormat seterusnya menerangkan, pada masa ini, kadar pengisian katil di Pusat-pusat Pengasingan di seluruh negara atau *bed occupancy rate* ialah sebanyak 4.6 peratus.

Dalam pada itu kata Yang Berhormat, seramai 155 kes aktif sedang menerima rawatan di Pusat-pusat Pengasingan dan hospital-hospital, manakala seramai 10,891 kes positif kini sedang menjalani pengasingan diri di rumah.

Bagi Program Vaksinasi Kebangsaan setakat 22 Mac 2022 jelas Yang Berhormat lagi,

sebanyak 60.2 peratus daripada keseluruhan penduduk di negara ini menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu Yang Berhormat menyatakan, tidak ada pelanggaran arahan dikeluarkan denda kompaun di seluruh negara bagi sekatan pergerakan yang dijalankan dari jam 12.00 malam semalam hingga 4.00 pagi.

"Marilah kita memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga NBD sentiasa dipelihara dan dilindungi dari segala marabahaya, semoga semua rakyat dan penduduknya diberikan kesihatan, dipermudahkan segala urusan dan dijauhkan dari segala penyakit, khususnya penyakit COVID-19. *Amin Amin Ya Rabbal Alamin,*" ujar Yang Berhormat.

Pengenalan ciri baharu dalam aplikasi BruHealth

- **TERDAPAT** ciri-ciri baharu pada aplikasi BruHealth, iaitu ciri Sijil Pemulihan (Recovery Certificate) dan ciri Ujian Pantas Antigen (ART) dengan Kod QR.
- **CIRI** Sijil Pemulihan adalah khusus untuk bekas kes COVID-19 yang mengesahkan bahawa mereka telah menamatkan kuarantin dan sembuh daripada jangkitan COVID-19.
- **CIRI** ART yang ada pada masa ini akan dikemas kini untuk mengintegrasikan pengimbasan Kod QR yang terdapat pada Kit ART yang dibekalkan oleh Kementerian Kesihatan bagi memastikan Kit ART yang digunakan adalah unik dan tidak diguna pakai berulang kali.
- **SIJIL** Pemulihan yang diperkenalkan adalah khusus bagi individu yang hendak membuat perjalanan ke luar negara.
- **IMUNITI** badan bagi seseorang yang pernah dijangkiti COVID-19 adalah 60 hari dan ada yang sehingga 90 hari. Jika mereka membuat PCR dalam masa 90 hari, kemungkinan ia akan masih menunjukkan keputusan positif, namun CT Value individu berkenaan adalah tinggi.
- **HANYA** Kit ART yang dibekalkan dari Kementerian Kesihatan sahaja dapat mengimbas Kod QR, manakala bagi Kit ART yang diperolehi dari luar, bolehlah melaporkannya dengan menekan *button* Kit ART tanpa Kod QR.

BERAKAS, Rabu, 23 Mac. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai pengenalan ciri-ciri baharu pada aplikasi BruHealth yang akan diperkenalkan bermula jam 10.00 malam, pada Khamis, 24 Mac

2022, iaitu ciri Sijil Pemulihan (Recovery Certificate) dan ciri Ujian Pantas Antigen (ART) dengan Kod QR.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji

Jaafar memaklumkan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang diadakan di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat, ciri Sijil Pemulihan adalah ciri khas, khusus untuk bekas kes COVID-19 yang mengesahkan, bahawa mereka telah menamatkan kuarantin dan sembuh daripada jangkitan COVID-19.

"Sijil ini adalah sijil digital rasmi yang merupakan ciri baharu dalam aplikasi BruHealth yang boleh dimuat turun untuk dicetak secara *hardcopy*, jika diperlukan oleh mana-mana pihak yang memerlukan bukti kesembuhan secara rasmi dari Kementerian Kesihatan," ujar Yang Berhormat.

Sementara itu tambah Yang Berhormat, ciri ART yang ada pada masa ini akan dikemas kini untuk mengintegrasikan pengimbasan Kod QR yang terdapat pada Kit ART yang dibekalkan oleh Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat seterusnya berkata, tujuan pengimbasan Kod QR ini adalah untuk memastikan Kit ART yang digunakan adalah unik dan tidak diguna pakai berulang kali oleh mana-mana pihak, khususnya bagi para pesakit COVID-19 yang menerima *care package*; para penjawat awam; para tetamu bagi acara rasmi kerajaan; dan *inbound travellers*.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat menekankan, ciri ART ini masih boleh digunakan untuk membuat laporan Kit ART yang tidak mempunyai Kod QR.

Pada sesi soal jawab bersama pihak media, Yang Berhormat menjelaskan mengenai Sijil Pemulihan yang diperkenalkan itu adalah khusus bagi individu yang hendak membuat perjalanan ke luar negara kerana ada sebahagian negara memerlukan Ujian PCR daripada pelawat yang datang.

Dalam hubungan ini terang Yang Berhormat, imuniti badan bagi seseorang yang pernah dijangkiti COVID-19 adalah berbeza-beza, ada yang 60 hari dan ada yang sehingga 90 hari.

Justeru, jika mereka membuat PCR dalam masa 90 hari tersebut jelas Yang Berhormat, kemungkinan ia akan masih menunjukkan keputusan positif, namun CT Value individu berkenaan adalah tinggi.

"Kita perlu lihat apa keperluan bagi negara yang kita kunjungi itu. Dengan adanya Sijil Pemulihan ini, ia boleh ditunjukkan sebagai pengecualian membuat PCR," ujar Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai ciri ART dengan Kod QR pula, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin berkata, terdapat dua pilihan yang disediakan untuk melaporkan hasil ART mereka, iaitu Kit ART yang dibekalkan oleh



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media berkenaan.

Kementerian Kesihatan dan Kit ART yang diperolehi dari luar (premis perniagaan).

Oleh itu, jelasnya, hanya Kit ART yang dibekalkan dari Kementerian Kesihatan sahaja yang dapat mengimbas Kod QR tersebut, manakala bagi Kit ART yang diperolehi dari luar, awda bolehlah melaporkannya dengan menekan *button* Kit ART tanpa Kod QR.

Beliau, seterusnya menerangkan, ini kerana, ada sesetengah jenama Kit ART yang lain mempunyai Kod QR tersendiri, namun ia tidak dapat diimbas oleh BruHealth kerana ia bukan dibekalkan oleh Kementerian Kesihatan.

MASJID SSBRPAD ADAKAN MAJLIS MEMBACA HAUL TAHUNAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir pada Majlis Membaca Haul Tahunan anjuran Jawatankuasa Takmir Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD), Kampung Manggis / Madang (kiri dan kanan).

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

MANGGIS / MADANG, Rabu, 23 Mac. - Jawatankuasa Takmir Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD), Kampung Manggis / Madang mengadakan Majlis Membaca Haul Tahunan, yang berlangsung di masjid berkenaan, di sini, baru-baru ini. Hadir pada majlis berkenaan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong. Atur cara dimulakan dengan

Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil, masing-masing dikepalai oleh Imam Masjid SSBRPAD, Awang Muhd. Khaizuran Amali bin Haji Kamsani; dan Bilal Masjid SSBRPAD, Awang Razman bin Haji Ramlee. Manakala, bacaan Doa

Tahlil, dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid SSBRPAD, Awang Nuzli bin Haji Jumat.

Majlis Tahlil Tahunan tersebut, antara lain diadakan bagi Allahyarham Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim;

Allahyarham Dato Paduka Haji Abd. Aziz bin Muhammad; Allahyarham Haji Mohd. Limbang bin Lamudin; Allahyarham Dato Seri Setia Ustaz Haji Awang Abd. Rahman bin Pehin Khatib Abdullah; dan Allahyarham Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman bin Awang Besar.

JPMC lancar sistem GLP TLA



YANG Berhormat Menteri Kesihatan selaku Pengarah Eksekutif Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) pada Pelancaran Sistem Automasi Makmal Total (TLA) Abbott GLP, yang berlangsung di Makmal JPMC, Aras 1 (atas dan bawah kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Jerudong Park Medical Centre

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Mac. - Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) diberi keistimewaan untuk menjadi makmal ketiga yang memiliki Sistem Automasi Makmal Total (TLA) Abbott GLP baharu di rantau Asia Tenggara dengan menawarkan lebih fleksibiliti dan pilihan untuk memenuhi permintaan operasi yang meningkat di JPMC. Hadir bagi merasmikan

Pelancaran Sistem GLP TLA yang inovatif berkenaan, di Makmal JPMC, Aras 1, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar selaku Pengarah Eksekutif JPMC.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa yang diketuai oleh Pegawai Ugama JPMC, Haji Ishkandar bin Haji Buntar dan diteruskan dengan menyaksikan operasi sistem GLP TLA.

Majlis juga dihadiri oleh Pegawai-pegawai Pengurusan Kanan dan Ketua-ketua Jabatan.

Sistem GLP TLA menggunakan sistem memantau penghantaran sampel automatik yang mengendalikan anggaran 900 sampel sejam dari awal hingga akhir.

"Proses secara automatik itu boleh membantu mengurangkan masa pemulihan yang akan memberikan manfaat kepada pengurusan pesakit, terutamanya dalam unit penjagaan kritikal.

"Selain itu, ia juga mempunyai ciri yang meminimumkan sentuhan dengan sampel darah pesakit, memastikan keselamatan pekerja. Sistem ini memaksimumkan kecekapan dengan mempunyai pengurusan sampel yang konsisten untuk memastikan

SISTEM GLP TLA menggunakan sistem memantau penghantaran sampel automatik yang mengendalikan anggaran 900 sampel sejam dari awal hingga akhir.

SISTEM ini memaksimumkan kecekapan dengan mempunyai pengurusan sampel darah yang konsisten untuk memastikan perkhidmatan makmal yang lebih baik dan lebih pantas.



**SOALAN-SOALAN LAZIM
PENGUNAAN OKSIMETER NADI**



SCAN ME

<https://bit.ly/3vmv5Eg>





perkhidmatan makmal yang lebih baik dan lebih pantas," jelas Ketua Jabatan Makmal JPMC, Dr. Awang Haji Mohammad bin Haji Kassim.

KHEU ADAKAN MAJLIS BERTAHLIL

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Mac. - Rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil bagi paduka ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, bertempat di Kubah Makam Diraja, Jalan Kubah Makam Diraja, di sini.

Majlis Bertahlil berkenaan adalah juga buat paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Hadir pada majlis berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Pada majlis tersebut bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai



ROMBONGAN Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil bagi paduka ayahanda, bonda dan anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, bertempat di Kubah Makam Diraja, Jalan Kubah Makam Diraja, yang turut dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

dipimpin oleh Imam Tingkat I, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat dan diikuti dengan bacaan tahlil dan Doa Arwah.

Juga hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha



Tetap serta lebih 200 pegawai dan kakitangan lelaki KHEU dan jabatan di bawahnya.

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien lindung, pada 3 Muharam 1407 Hijrah bersamaan 7 September 1986 Masihi dan Al-Marhumah Duli

Raja Isteri Pengiran Anak Damit lindung, pada 20 Syawal 1399H bersamaan 13 September 1979M.

Sementara itu, Al-Marhum DYT M Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim mangkat, pada Sabtu, 7 Rabiulawal 1442H bersamaan 24 Oktober 2020M.

Tingkatkan kesedaran mengenai PCOS



Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Majlis Belia Brunei (MBB) mengadakan forum bertajuk, 'Mengenai Wanita : Apakah PCOS dan TTC Ani? (About Women : What is Polycystic Ovary Syndrome (PCOS) and Trying To Conceive (TTC)?' bersempena dengan Hari Wanita Antarabangsa 2022.

Forum memfokuskan pada kesihatan dalaman wanita yang boleh mencetuskan stigma dalam kalangan wanita, yang diadakan secara maya melalui aplikasi Zoom dan dihadiri hampir 350 orang, terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan, Persatuan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs), penuntut-penuntut Institut Pengajian Tinggi dan orang awam.

Forum turut dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari selaku Yang Di-Pertua MBB.

Forum dikendalikan oleh Timbalan Yang Di-Pertua MBB, Dayang Nurul Izyan Anver selaku moderator dan ahli-ahli panel,

KEMENTERIAN Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Majlis Belia Brunei (MBB) mengadakan forum bertajuk, 'Mengenai Wanita : Apakah PCOS dan TTC Ani?' sempena Hari Wanita Antarabangsa 2022, yang turut dihadiri oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Yang Di-Pertua MBB.

terdiri daripada Penolong Profesor, Kejururawatan dan Perbidanan Universiti Brunei Darussalam, Dr. Dayang Sarena binti Haji Hashim; Gynaecologist / Obstetrician Klinik Premia, Dr. Dayang Hajah Sohaila binti Islam; Ahli Teras, Young Professional Network Brunei dan Ahli Youth Advisory Group, Dasar Belia Negara dan Strategik (DBNAS), Angie Ang; dan Pereka Grafik, Jerudong International School, Dayang Rina Habib juga selaku Pemilik Inner Lavendar Co., sebuah platform komuniti yang menawarkan sokongan dan sumber untuk wanita juga orang awam yang menghadapi Penyakit PCOS.

Objektif utama forum ini diadakan ialah untuk memberikan pengetahuan, sokongan dan meningkatkan kesedaran kepada para wanita, ahli keluarga juga orang ramai mengenai isu PCOS dan aspek penjagaan kesihatan dalaman yang memberi kesan terhadap kesihatan mental.

Dalam forum ini, pakar-pakar perubatan dan wanita mengongsikan mengenai pengetahuan juga pengalaman masing-masing mengenai PCOS dan kesihatan dalaman wanita juga kaitannya dengan percubaan untuk mendapatkan zuriat (*trying to conceive*).

Melalui forum ini peserta-peserta lebih mengenali simptom-simptom dan langkah-langkah untuk mencegah atau mengurangkan risiko PCOS, di samping pendedahan cara bagaimana keluarga memberi sokongan juga dorongan kepada ahli keluarga yang mengalami PCOS.

SEMAI SEMANGAT CINTAI, HAYATI AL-QURAN



KEMENTERIAN Pertahanan mengadakan Majlis Khatam Al-Quran secara serentak di seluruh Surau Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), termasuk Masjid Pulau Baru-Baru dengan tumpuan utama di Surau Asy-Syuhada', Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (AP ABDB), Tanah Jambu yang turut dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan Kedua (atas, bawah kanan, bawah kanan sekali dan bawah kiri sekali).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ihsan Kementerian Pertahanan

TANAH JAMBU, Jumaat, 25 Mac. - Dalam sama-sama mensyukuri Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-38, Kementerian Pertahanan pagi tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran secara serentak di seluruh Surau Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), termasuk Masjid Pulau Baru-Baru dengan tumpuan utama di Surau Asy-Syuhada', Akademi

Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (AP ABDB), Tanah Jambu. Turut hadir pada majlis tersebut, Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff; Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei, Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Abdul Razak bin Haji Abd. Kadir; Pemangku Setiausaha Tetap;

peringkat kepimpinan; para pegawai serta warga Kementerian Pertahanan dan ABDB. Turut dijemput ialah wakil dari Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Bomba dan Penyelamat juga Ketua-ketua Kampung yang berdekatan. Di samping menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-38 ini, ia bertujuan untuk menyemai semangat mencintai dan menghayati Al-Quran dalam kalangan anggota Kementerian Pertahanan dan ABDB. Majlis serupa juga diadakan di



Surau Ad-Difa', Bolkliah Garison anggota wanita Kementerian bagi pegawai-pegawai dan Pertahanan dan ABDB.



KECEMERLANGAN GRADUAN, MAHASISWA UNISSA DIRAIKAN



YANG Berhormat Menteri Pendidikan menyampaikan Pingat dan Hadiah Buku sempena Hafl Al-Takharruj Ke-11, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) kepada salah seorang penerima.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Mac. - Seramai 60 penerima, terdiri daripada graduan juga para mahasiswa Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima Pingat dan Hadiah Buku sempena Hafl Al-Takharruj Ke-11, UNISSA, pada majlis yang diadakan di Goldstone Ballroom, Hotel Centrepoint, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, seterusnya menyempurnakan Penyampaian Pingat dan Hadiah Buku, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah

bin Haji Sulaiman, yang juga merupakan Pengerusi Majlis UNISSA.

Pada majlis tersebut, seorang penerima Pingat Rektor, enam penerima Pingat Universiti dan 53 penerima Hadiah Buku bagi pelbagai kriteria.

Penolong Rektor (Akademik), UNISSA, Prof. Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad selaku Pengerusi Bersama Majlis, dalam ucapannya pada majlis tersebut berkata, UNISSA memasuki 11 tahun dalam menyambut Hafl Takharruj, seterusnya meraikan

kecemerlangan graduan dan pelajar setiap tahun pengajian menerusi Majlis Penyampaian Pingat dan Hadiah Buku.

Sepertimana lazimnya, jelas beliau, UNISSA menyediakan empat jenis pingat, iaitu Pingat Canselor, Pingat Pro Canselor, Pingat Rektor dan Pingat Universiti.

UNISSA pada waktu yang sama, tambah, juga menyediakan Hadiah Buku bagi empat kategori yang berbeza, iaitu Hadiah Buku bagi Tahun Akhir; Hadiah Buku bagi Selain dari Tahun Akhir; Hadiah Buku bagi Keputusan Cemerlang dalam Kursus Al-Quran (aliran Arab dan aliran Inggeris); dan Hadiah Buku bagi Keputusan Cemerlang dalam Kursus Melayu Islam Beraja.

Menurutnya, kesemua Pingat dan Hadiah Buku ini mempunyai kriteria masing-masing.

Secara umumnya, kriteria ini, jelasnya, dinilai bukan sahaja dari sudut kecemerlangan dalam akademik, kecemerlangan dalam aktiviti juga khidmat masyarakat, bahkan yang paling penting adalah kecemerlangan sahsiah.

"Bagi graduan dan pelajar yang diraikan, kejayaan yang dicapai dan dikecapi ini bukanlah pengakhir bagi perjuangan awda, bahkan ia memulakan titik permulaan bagi kejayaan-kejayaan mendatang yang lebih hebat," ujar Prof. Madya Dr. Siti Sara.

Turut hadir ke majlis tersebut, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan,

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

Dr. Haji Azman bin Ahmad; Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Timbalan Setiausaha Tetap Pengajian Tinggi; Pemangku Timbalan Rektor; Penolong-penolong Rektor; Ketua Bahagian Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan; dan Ahli Senat UNISSA.

PENOLONG Rektor (Akademik), UNISSA, Prof. Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad selaku Pengerusi Bersama Majlis ketika berucap (kanan), sementara gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



Bincang pemahaman bahasa, sastra, dialek Indonesia



ANTARA yang menyertai Siri Kongres Antarabangsa Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu (KABSMB) sempena Bulan Bahasa anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Negara Brunei Darussalam melalui penstriman platform Facebook DBP juga aplikasi Zoom, yang turut dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Mac. - Seramai 23 pembentang pemakalah yang terdiri daripada tiga pemakalah ucaptama dan 20 pemakalah iringan dijadualkan untuk membentangkan kertas kerja masing-masing sepanjang

Kongres Antarabangsa Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu (KABSMB).

Sehubungan itu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Negara Brunei Darussalam menganjurkan Siri KABSMB

sempena Bulan Bahasa melalui Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa yang diadakan secara maya melalui penstriman platform Facebook DBP juga aplikasi Zoom.

Kongres tersebut antara lain bertujuan untuk menggabungkan para pakar bahasa, sastra dan

KONGRES Antarabangsa Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu (KABSMB) bertujuan untuk menggabungkan para pakar bahasa, sastra dan budaya di peringkat antarabangsa dan tanah air dalam upaya untuk berkongsi pengetahuan, ilmu dan gagasan melalui dinamik pengetahuan, pengalaman dan meningkatkan kepakaran tertentu.

ANTARA yang dibincangkan pada siri pembentangan kali ketiga ialah mengenai pemahaman kepelbagaian bahasa, sastra dan dialek yang terdapat di Indonesia merupakan ciri khas serta keunikan bangsa.

budaya di peringkat antarabangsa dan tanah air dalam upaya untuk berkongsi pengetahuan, ilmu dan gagasan melalui dinamik pengetahuan, pengalaman dan meningkatkan kepakaran tertentu.

Siri pembentangan kali ketiga itu menampilkan pemakalah dari Indonesia, Peneliti Ahli Madya, Badan Riset dan Inovasi Nasional (BRIN), Dr. Joni Endardi, S.S., M. Hum.

Kongres dipengerusikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah DBP, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit.

Kongres mengupas aspek budaya dengan tajuk 'Strategi dan Publikasi Laboratorium Kebinekaan Kebahasaan: Tonggak Emas Strategi Kebahasaan'.

Antara yang dibincangkan dalam pembentangan tersebut ialah mengenai pemahaman kepelbagaian bahasa, sastra dan dialek yang terdapat di Indonesia merupakan ciri khas juga keunikan bangsa.

Pancasila merupakan falsafah dan dasar negara Indonesia juga simbol yang menyumbang kepada kepelbagaian bahasa juga dialek yang ada di Indonesia.

Seramai 490 peserta menghadiri KABSMB secara virtual, yang juga

dihadiri oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Pemangku Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategi dan Dasar), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, di samping para pemakalah dari dalam dan luar negara, rakan-rakan strategik DBP, para pegawai kanan kerajaan dan para pencinta bahasa dari dalam mahupun luar negara.

Penyelenggaraan KABSMB dengan tema utama 'Bahasa Jiwa Bangsa' ini turut didukung bersama oleh rakan-rakan strategik DBP, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Majlis Belia Brunei (MBB), ASTERAWANI Brunei dan Kumpulan Putra Seni (KPS).

KABSMB dilaksanakan secara bersiri, mulai 16 Mac hingga 22 Jun 2022 dengan pembentangan kertas kerja sebanyak dua kali seminggu, iaitu setiap Isnin dan Rabu.

TINGKAT KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL, PROFESIONAL PEMIMPIN SEKOLAH



YANG Berhormat Menteri Pendidikan ketika berucap.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Mac. - Kementerian Pendidikan mengadakan Konvensyen Pemimpin Sekolah Kali Ke-4 2022 selama tiga hari, iaitu pada 22, 24 dan 26 Mac 2022 secara hibrid (melalui dalam talian dan fizikal), baru-baru ini.


Majlis konvensyen tersebut dianjurkan bersama Jabatan Pengurusan Pendidik dan Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Konvensyen tersebut, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh; Setiausaha-setiausaha Tetap; Naib-naib Canselor, Rektor; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; Ketua-ketua Jabatan; dan Ketua-ketua Kluster Kementerian Pendidikan.

Lebih 635 peserta dan para jemputan, yang terdiri daripada para pemimpin sekolah daripada sekolah rendah, menengah, maktab dan Pusat Tingkatan Enam kerajaan dan swasta Kementerian Pendidikan serta sekolah-sekolah dari Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama menghadiri konvensyen berkenaan.

Dengan tema 'Pemimpin Berkualiti, Pendidikan Berkualiti', konvensyen tersebut bertujuan untuk meningkatkan Kepimpinan



PARA peserta dan jemputan, terdiri daripada para pemimpin sekolah yang menghadiri Konvensyen Pemimpin Sekolah Kali Ke-4 2022 berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

Instruksional (Instructional Leadership) dan profesional para pemimpin sekolah.

Sementara itu, sub tema untuk konvensyen kali ini ialah 'Digital Citizenship' yang bertujuan untuk memberikan kesedaran dan kefahaman tentang Kewarganegaraan Digital serta menyokong ke arah kesejahteraan digital dalam kalangan komuniti sekolah.

Majlis Konvensyen dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dr. Sheikh Lukman bin Sheikh Abdul Hamid selaku Pengerusi Bersama Konvensyen.

Seterusnya, acara diteruskan dengan ucapan tetamu kehormat dan perasmian konvensyen juga

pelancaran Buku Garis Panduan Sokongan Pembelajaran.

Majlis seterusnya menampilkan ucapnama bertajuk 'Global Standards For Digital Skills' dari Dr. Yuhyun Park, penceramah undangan (*keynote speaker*), yang merupakan pakar terkemuka dunia dalam kemahiran digital dan keselamatan kanak-kanak ketika menggunakan kemudahan dalam talian.

Beliau merupakan Pengasas Institut Digital Intelligence (DQ) dan pencipta konsep dan rangka kerja Kecerdasan Digital.

Majlis diteruskan dengan sesi dialog antara Ketua-ketua Jabatan dan Pemimpin-pemimpin Sekolah yang dipengerusikan bersama oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman; dan Timbalan

Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh.

Hari kedua konvensyen diadakan pada Khamis, 24 Mac 2022 secara dalam talian melalui Microsoft Teams dengan sesi soal jawab secara langsung bersama penceramah undangan (*keynote speaker*).

Sesi pagi diteruskan dengan satu pembentangan dan bengkel mengenai Kewarganegaraan Digital (Digital Citizenship) bagi sekolah-sekolah yang akan diketuai oleh Pengarah Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.

Sebagai kesinambungan daripada bengkel yang berlangsung pada November 2021, segmen berkenaan bertujuan untuk mengenal pasti komponen Kewarganegaraan Digital dalam pembelajaran Pendidikan Brunei Darussalam

melalui perbincangan yang mendalam dan menyelidik pelbagai kajian bagi kes-kes yang relevan ke arah pembangunan wawasan dasar dan prosedur dalam melaksanakan Kewarganegaraan Digital di sekolah-sekolah di Negara Brunei Darussalam.

Manakala pada sesi petang menyaksikan tiga pembentangan, iaitu rumusan bengkel Digital Citizenship dari Jabatan Perkembangan Kurikulum, Blended Learning Models dari Pusat Teknologi Pendidikan dan Decision-Making oleh Majlis Pemimpin Sekolah.

Majlis penyampaian pelantikan para pemimpin sekolah baharu dan penyampaian insentif sekolah kepada sekolah-sekolah kerajaan yang mencapai prestasi keseluruhan dalam peperiksaan diadakan pada hari ketiga konvensyen.

Majlis keagamaan sempena Hari Kajicuaca Sedunia 2022

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Mac. - Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahsil secara maya sempena Sambutan Hari Kajicuaca Sedunia 2022, baru-baru ini.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahsil beramai-ramai, diikuti dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Dihindari Daripada Wabak Penyakit COVID-19.

Hadir secara maya pada majlis tersebut, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.


Selaku ahli kepada Pertubuhan Kajicuaca Sedunia (WMO), Negara Brunei Darussalam mengadakan majlis berkenaan untuk turut sama memperingati 23 Mac, iaitu tarikh tertubuhnya badan saintifik dunia ini yang berada di bawah

naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1950.

Di samping itu, hari bersejarah ini juga diraikan bagi menghargai pelbagai sumbangan penting yang diberikan oleh Perkhidmatan-perkhidmatan Kajicuaca dan Hidrologi Kebangsaan di seluruh dunia dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat.

Pada tahun ini, tema sambutan ialah 'Amaran Awal dan Tindakan Awal' atau 'Early Warning and Early Action'.

Turut hadir secara maya, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Pengarah Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam selaku Pengerusi Majlis, Ketua-ketua Eksekutif, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Jabatan-jabatan juga Agensi-agensi Pihak Berkuasa di bawahnya.



JABATAN Kajicuaca Brunei Darussalam mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahsil secara maya sempena Sambutan Hari Kajicuaca Sedunia 2022 yang turut dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

CSR CAB-PNC 2022 : SERAMAI 55 KETUA KELUARGA TERIMA INFAK



Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Pusat Pembangunan Belia

MUKIM SENGKURONG, Jumaat, 25 Mac. - Projek Tanggungjawab dan Khidmat Kemasyarakatan (CSR) Culinary and Banquet (CAB); dan Pastry and Culinary (PNC), Pusat Pembangunan Belia (PPB) mengadakan Majlis Penyampaian Infak, di Pekarangan Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kampung Kulapis, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyampaikan infak, Menteri Kebudayaan, Belia dan

Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Seramai 55 penerima, terdiri daripada Ketua Keluarga Penerima Elaun BKB dari Kampung Kulapis; Kampung Katimahar; Kampung Lugu; Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Lugu; dan Rancangan Perumahan Negara Kampung Lugu menerima infak

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada Majlis Penyampaian Infak, di Pekarangan Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kampung Kulapis, baru-baru ini.

makanan, termasuk juga bagi tanggungan mereka masing-masing melalui pandu lalu.

CSR CAB-PNC 2022 merupakan kemuncak pada inisiatif Pelatih-pelatih Jurusan PNC; dan CAB, PPB, yang dirancang sejak beberapa minggu kebelakangan ini.

Para pelatih yang terlibat dalam projek ini menimba serba sedikit ilmu juga pengalaman, di sepanjang pengajian mereka di PPB dan dalam menayakan Projek CSR, tahun ini.

Selaras dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui KKBS, di PPB untuk melahirkan barisan belia yang berkemahiran, berilmu dan berpengalaman, para pelatih ini, bukan sahaja berkebolehan dalam bidang masing-masing, tetapi juga menjadi lebih prihatin, empati juga sensitif pada persekitaran dan keperluan juga paling utama peranan mereka sebagai pihak yang berkepentingan kepada agama, bangsa dan negara.

Perubahan garis panduan pemakaian sungkup muka



- ✓ Sungkup muka hendaklah dipakai pada setiap masa terutama sekali apabila berada di dalam bangunan atau ketika berada di tempat sesak samada di dalam atau luar bangunan.
- ✓ Pemakaian sungkup muka hendaklah menutup hidung dan mulut si pemakai.
- ✓ Arahan pemakaian sungkup muka ini adalah dikenakan kepada semua individu ke atas tanpa mengira status vaksinasi masing-masing.



Sumber: Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam

Kongsi pengalaman dalam bidang media, penyiaran



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke Negara Brunei Darussalam dan isteri pada Sesi Suai Kenal Bersama Pengamal Media, yang berlangsung di kediamannya, di Kampung Madang.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Borneo Bulletin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Mac. - Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy dan isteri, Lale Ersoy mengadakan perjumpaan dan Sesi Suai Kenal Bersama Pengamal Media yang

berlangsung di kediamannya di Kampung Madang, hari ini, di sini.

Semasa perjumpaan tersebut, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy berkongsi rasa kegembiraan apabila diberi peluang untuk menjadi Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik

Turki di Negara Brunei Darussalam selain beliau juga berkongsi pengalamannya dalam bidang media dan penyiaran.

Tuan Yang Terutama juga berhasrat di sepanjang tempoh perkhidmatannya di negara ini, TYT akan dapat membawa pelabur dari Turki ke negara ini untuk mengentengahkan produk negara tersebut di negara ini.

Berhati-hati : Penutupan sementara jalan di Jambatan SHOAS



PENUTUPAN sementara jalan, di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS), hala Kota Batu, mulai BM6.1KM hingga BM2.2KM.

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Mac. - Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai, terutamanya para pengguna jalan raya mengenai penutupan sementara jalan, di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS), hala Kota Batu, mulai BM6.1KM hingga BM2.2KM (sila rujuk peta), bermula Jumaat, 25 Mac 2022, mulai jam 9.00 pagi hingga Selasa, 29 Mac 2022, jam 12.00 tengah malam.

Penutupan sementara separuh jalan di jambatan berkenaan adalah bagi membolehkan kerja-kerja pemasangan Sensor Weigh In Motion (WIM) dapat dilaksanakan.

Sehubungan itu, pihak jabatan ingin menasihatkan kepada para pengguna jambatan tersebut untuk menggunakan jalan lencongan melalui *contraflow* sejauh 3.9km yang disediakan, di kawasan berkenaan.

Selain itu, para pengguna jalan juga adalah diingatkan untuk sentiasa berhati-hati apabila melalui kawasan tersebut, di samping mematuhi tanda-tanda lalu lintas dan mematuhi had laju yang dibenarkan, demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini.

Sebarang aduan, orang ramai boleh menghubungi pihak jabatan melalui Talian Darussalam 123 atau Livechat Talian Darussalam 123, +673 8333123 atau e-mel ke pro@pwd.gov.bn.

Majlis Khatam Al-Quran 38 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-38, Tahun 2022



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan antara yang hadir pada Majlis Khatam Al-Quran 38 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-38, Tahun 2022, di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Kampung Mulaut (kiri dan kanan).

Daerah Brunei dan Muara

MULAUT, Khamis, 24 Mac. - Majlis Khatam Al-Quran 38 Kali diadakan bagi menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-38, Tahun 2022, dengan pengisian-pengisian yang bermanfaat, terutama dengan pembacaan Al-Quran bagi menyahut hasrat negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Sehubungan itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menganjurkan majlis keagamaan berkenaan secara serentak, di keempat-empat daerah.

Acara yang diadakan secara

hibrid itu melibatkan lebih 1,000 orang, di mana seramai 38 orang hadir secara fizikal di setiap masjid, di keempat-empat daerah dan lebih 850 peserta mengikuti majlis tersebut secara maya melalui pautan Zoom juga siaran langsung melalui Instagram dan Facebook, KKBS.

Di Daerah Brunei dan Muara, majlis tersebut diadakan di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Kampung Mulaut.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful

Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Pegawai-pegawai Kanan dari KKBS.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dikepalai Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, diikuti dengan khatam Al-Quran, mulai dari Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad, diketuai oleh Penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Muhammad Mughni bin Haji Mohd. Salleh.

Kemudian, majlis diteruskan dengan bacaan Takhtim Al-Quran, diketuai oleh Mahasiswa Universiti Islam Sultan Sharif Ali, diikuti dengan bacaan Doa Khatam, dipimpin

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

oleh Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Tahun 2021, Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri.

Majlis turut diserikan dengan Dikir Marhaban daripada Mahasiswa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan juga Selamatkan Negara Brunei Darussalam oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Awang Haji Khairul bin Haji Mohd. Said, seterusnya Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah.

Majlis Khatam Al-Quran 38 Kali tahun ini melibatkan para

mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi; penuntut-penuntut dari Institut Pendidikan Teknikal Brunei; penuntut-penuntut sekolah menengah dan sekolah Arab; ahli-ahli persatuan pergerakan belia dan sukan; juga pegawai dan kakitangan dari agensi kerajaan juga swasta.

Majlis secara tidak langsung dihasrat dapat mempertingkatkan dan mengukuhkan persefahaman juga kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat, dalam pembangunan tarbiah belia dan masyarakat khususnya, sebagai usaha ke arah menggalakkan penglibatan belia juga masyarakat dalam aktiviti keagamaan.



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan antara yang hadir pada Majlis Khatam Al-Quran 38 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-38, Tahun 2022, di Masjid Kampung Belais (atas dan kanan).

TEMBURONG, Khamis, 24 Mac. - Majlis Khatam Al-Quran 38 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-38, Tahun 2022 secara serentak, di keempat-empat daerah.

Acara yang diadakan secara hibrid ini melibatkan lebih 1,000 orang, di mana seramai 38 orang hadir secara fizikal di setiap masjid, di keempat-empat daerah dan lebih 850 peserta mengikuti majlis tersebut secara virtual melalui pautan zoom juga siaran langsung melalui Instagram dan Facebook, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Bagi di Daerah Temburong, masjid yang menjadi tumpuan

adalah Masjid Kampung Belais.

Hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Juga hadir, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Muhammad Ameer Mubarak bin Pengiran Haji Hashim.

Acara terlebih dahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dipimpin oleh tetamu kehormat, diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran, mulai dari Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad, diketuai oleh Awang Muhammad Nur Aziimin bin Shahminan dari Belia Permata Hijau dan diteruskan dengan

bacaan Takhtim Al-Quran, diketuai oleh Awang Muhammad Zulkhairi bin Azamy, yang juga daripada Belia Permata Hijau.

Doa Khatam pula dibacakan oleh Awang Muhammad Iffat Imani bin Husaini dari Belia Permata Hijau, seterusnya Dikir Marhaban, diketuai oleh Awang Muhammad Zulkhairi.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Selamatkan Negara Brunei Darussalam oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Belais, Awang Haji Yusuf bin Haji Ahad, seterusnya Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah.

Majlis Khatam Al-Quran 38

Daerah Temburong

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



Kali tahun ini melibatkan para mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi; penuntut-penuntut dari Institut Pendidikan Teknikal Brunei; penuntut-penuntut sekolah menengah dan sekolah Arab; ahli-ahli persatuan pergerakan belia dan sukan; juga pegawai dan kakitangan dari agensi kerajaan juga swasta.

Majlis diadakan bagi menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, dengan pengisian-pengisian yang bermanfaat, terutama dengan

pembacaan Al-Quran bagi menyahut hasrat negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Majlis secara tidak langsung dihasrat dapat mempertingkatkan dan mengukuhkan persefahaman juga kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat, dalam pembangunan tarbiah belia dan masyarakat khususnya, sebagai usaha ke arah menggalakkan penglibatan belia juga masyarakat dalam aktiviti keagamaan.

Majlis Khatam Al-Quran 38 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-38, Tahun 2022



SETIAUSAHA Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan antara yang hadir pada Majlis Khatam Al-Quran 38 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-38, Tahun 2022, di Masjid Haji Abdul Azim, Kampung Luagan Dudok (atas dan kanan).



TUTONG, Khamis, 24 Mac. - Majlis Khatam Al-Quran 38 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-38, Tahun 2022 diadakan untuk menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dengan pengisian-pengisian yang bermanfaat, terutama dengan pembacaan Al-Quran bagi menyahut hasrat negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Majlis berkenaan dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia

dan Sukan (KKBS), diadakan secara serentak, di keempat-empat daerah.

Bagi Daerah Tutong, tumpuan majlis diadakan di Masjid Haji Abdul Azim, Kampung Luagan Dudok.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dikepalai oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan khatam Al-Quran, mulai dari

Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad, diketuai oleh Penerima Anugerah Belia Berkhidmat, Anugerah Hari Belia Kebangsaan, Awang Haji Abdul Mateen Bolkini bin Haji Awang Ahmad.

Seterusnya, bacaan Takhtim Al-Quran, diketuai oleh Mahasiswa Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Mahasiswa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan Mahasiswa Politeknik Brunei, diikuti dengan bacaan Doa Khatam, yang dibacakan oleh Imam Masjid Haji Abdul Azim, Awang Zeimey bin Haji Ahim.

Daerah Tutong

Berita dan Foto : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

Majlis diteruskan dengan Dikir Marhaban, diketuai oleh Jabatan Pengajian Islam dan Ahli Jawatankuasa Kerja Masjid, yang kemudiannya disusuli dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan juga Selamatkan Negara Brunei Darussalam oleh Ketua Imam Masjid Haji Abdul Azim, Awang Kamarudin bin Mohammad Ali, seterusnya menunaikan

Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah.

Majlis tersebut dihasrat dapat mempertingkatkan dan mengukuhkan persefahaman juga kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat, dalam pembangunan tarbiah belia dan masyarakat khususnya, sebagai usaha ke arah menggalakkan penglibatan belia juga masyarakat dalam aktiviti keagamaan.

Daerah Belait



Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

KUALA BELAIT, Khamis, 24 Mac. - Majlis Khatam Al-Quran 38 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-38, Tahun 2022 diadakan secara serentak, di keempat-empat daerah.

Acara yang diadakan secara hibrid ini melibatkan lebih 1,000 orang, di mana seramai 38 orang hadir secara fizikal di setiap masjid, di keempat-empat daerah dan lebih 850 peserta mengikuti majlis tersebut secara *virtual* melalui pautan zoom juga siaran langsung melalui Instagram dan Facebook, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis Khatam Al-Quran 38 Kali tahun ini melibatkan para mahasiswa Institusi Pengajian

Tinggi; penuntut-penuntut dari Institut Pendidikan Teknikal Brunei; penuntut-penuntut Sekolah Menengah dan Sekolah Arab; ahli-ahli persatuan pergerakan belia dan sukan; juga pegawai dan kakitangan dari agensi kerajaan juga swasta.

Majlis diadakan bagi menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, dengan pengisian-pengisian yang bermanfaat, terutama dengan pembacaan Al-Quran bagi menyahut hasrat negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Secara tidak langsung program seumpama ini juga dihasrat



PEMERINTAH Angkatan Bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Brigedier Jeneral (U) Haji Alirupendi bin Haji Perudin antara yang hadir pada Majlis Khatam Al-Quran 38 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-38, Tahun 2022, di Masjid Zainab, Lumut, Daerah Belait (atas dan atas kiri).

dapat mempertingkatkan dan mengukuhkan persefahaman juga kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat, dalam pembangunan tarbiah belia juga masyarakat, khususnya sebagai usaha ke arah menggalakkan penglibatan belia dan masyarakat dalam aktiviti keagamaan.

Di Daerah Belait, majlis diadakan di Masjid Zainab, Lumut dan hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemerintah Angkatan Bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Brigedier

Jeneral (U) Haji Alirupendi bin Haji Perudin.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran, mulai dari Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad, diketuai oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Pekan Belait, Awang Mohammad Faris bin Zamhari Paros.

Sementara bacaan Takhtim Al-Quran, diketuai oleh Pelajar Ma'had Islam Brunei,

Awang Mohammad Nabil bin Mohammad Nordin, yang seterusnya membacakan Doa Khatam.

Majlis kemudian diteruskan dengan Dikir Marhaban daripada Ahli Takmir Masjid Zainab dan diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan juga Selamatkan Negara Brunei Darussalam, dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Md. Didi Normady bin Haji Awang Ahmad, seterusnya Sebahyang Fardu Zuhur Berjemaah.



Berjimat menggunakan air tanggungjawab bersama dan Ahlan Ya Ramadan

Bayangkan sahaja kesukaran yang berlaku setiap kali bekalan air ditutup sementara ataupun dengan sebab-sebab lain seperti air kekuningan, kemarau, penyelenggaraan pada infrastruktur air dan seumpamanya.

Rutin kehidupan harian kita pasti akan terjejas. Oleh yang demikian, dalam menghadapi keadaan begini, sebagai pengguna kita hendaklah meningkatkan kesabaran dan memberikan kepercayaan kepada Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya selaku jabatan yang telah diamanahkan dan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan dan menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.

Sama ada kita sedar ataupun tidak, kita seakan kurang menghargai nikmat air kerana buat masa ini, sumber air itu masih mudah diperolehi. Justeru, akibat kurang menghargai nikmat air, terdapat segelintir orang yang membazirkan air dengan menggunakannya secara berlebihan dari kadar yang diperlukan.

Sesungguhnya sifat membazir secara umumnya adalah satu sifat yang dicela. Ini kerana Allah Subhanahu Wata'ala tidak menyukai orang-orang yang membazir dan berlebih-lebihan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'raf, ayat 31 :

Tafsirnya : "Dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan".

Oleh itu, marilah kita mensyukuri dan menghargai segala nikmat yang telah dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita terutamanya nikmat air dengan mengambil langkah berjimat cermat dan bertanggungjawab dalam penggunaan air bagi menghindari pembaziran dan penggunaan air yang berlebihan. Di samping itu, sama-samalah kita berdoa mudah-mudahan nikmat tersebut akan sentiasa berkekalan dan dapat terus kita nikmati.

Alhamdulillah, kita di Negara Brunei Darussalam dan umat Islam di seluruh dunia tidak lama lagi akan menyambut kedatangan bulan Ramadan Al-Mubarak. Pada bulan inilah kita umat Islam diwajibkan berpuasa. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 183 :

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertakwa".

Sesungguhnya kedatangan bulan Ramadan ini adalah rahmat yang sangat besar bagi orang yang beriman. Di bulan ini dibukakan segala pintu-pintu langit, pintu-pintu syurga dan pintu-pintu rahmat. Setiap amal kebajikan dibalas dengan pahala yang berlipat ganda. D daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, ia berkata bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Satu kebaikan bagi setiap amal anak Adam akan dibalas dengan 10 hingga 700 kali ganda. Lalu Allah berfirman : Kecuali puasa, sesungguhnya ia untuk-Ku dan Aku akan membalasnya kerana pelakunya telah meninggalkan syahwat dan makannya kerana Aku". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Menjelang kedatangan bulan Ramadan Al-Mubarak ini, sama-samalah kita mempersiapkan diri dari segi rohani, antaranya :

Pertama : Mempertingkatkan amal ibadat seperti memperbanyakkan Sembahyang Sunat, membaca Al-Quran, berzikir, beriktikaf, qiamullail dan seumpamanya.

Kedua : Mendalami ilmu agama khususnya dalam perkara ibadah puasa seperti hukum-hukum puasa dan adab-adabnya.

Antara adab-adab tersebut adalah seperti menjaga diri daripada melakukan perkara-perkara yang diharamkan ketika berpuasa seperti menjaga pandangan, menjaga pendengaran, menjaga percakapan, menjaga diri daripada membuat perkara-perkara yang diharamkan dan perkara yang sia-sia. Begitu juga menahan perut dari makan makanan dan minum yang syubhah apatah lagi yang haram terutamanya ketika berbuka puasa dan bersahur.

Ketiga : Bagi sesiapa masih belum mengqada puasa Ramadan, maka eloklah mengambil kesempatan mengqadanya pada bulan ini agar tidak terkena membayar fidyah.

Selain dari persediaan-persediaan rohani tersebut, terdapat juga perkara penting yang perlu kita jaga dalam melaksanakan ibadah puasa iaitu penjagaan kesihatan. Ini kerana dengan tubuh badan yang sihat akan memudahkan kita melaksanakan ibadah puasa dan ibadah-ibadah yang lain seperti Solat Sunat Tarawih, qiamullail, membaca Al-Quran, iktikaf dan sebagainya.

Antara perkara-perkara kesihatan yang perlu dititikberatkan semasa di bulan Ramadan adalah :

Pertama : Memilih dan menyediakan makanan daripada sumber yang halal dan bersih.

Kedua : Mengamalkan makanan yang seimbang dan bersederhana.

Ketiga : Berpuasa juga merupakan satu latihan yang amat berfaedah untuk mengatasi tabiat merokok dan perokok-perokok boleh mengambil kesempatan di bulan Ramadan ini untuk berazam berhenti merokok.

Akhirnya, bersempena bulan Ramadan yang bakal menjelang ini, marilah kita sama-sama merafakkan segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan kudrat dan iradat-Nya jua, kita pada tahun ini dapat menyambut kedatangan bulan Ramadan Al-Mubarak meskipun pada masa ini, seluruh dunia masih bergelut dengan penularan COVID-19.

Oleh yang demikian, bagi melindungi negara kita. Kita semua jangan alpa dari mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Semoga dengan tibanya Ramadan pada tahun ini, kita akan dapat melaksanakan amal ibadat dengan sempurna dan mendapat ganjaran dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Sesiapa yang mengerjakan amalan yang soleh sama ada laki-laki atau perempuan, sedang dia orang yang beriman, maka sesungguhnya Kami sudah tentu akan menghidupkannya dengan kehidupan yang baik dan Kami sudah tentu akan mengurniakan mereka dengan ganjaran yang lebih baik daripada apa yang mereka telah kerjakan". (Surah An-Nahl, ayat 97)

Penandatanganan insurans perlindungan bagi Anggota JBP

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Mac. - Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd. melalui anak syarikatnya, Takaful Brunei Am Sdn. Bhd., (TBA) memeterai perjanjian bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN).

Majlis penandatanganan diadakan pada 21 Mac lalu, di Mes Pegawai Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat, Landasan Lama, Berakas.

Menandatangani bagi pihak JBP diwakili oleh Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Lim Hock Guan, manakala bagi

pihak TBA ialah Ketua Pegawai Operasi Takaful Brunei Am Sdn. Bhd., Awang Barudin bin Haji Kudil.

Majlis penandatanganan disaksikan oleh Penolong Pengarah Perancangan Latihan dan Kakitangan, Dayang Hajah Siti Mayang binti Haji Hussin; dan Deputy Chief Business Operations Officer, Sales Distribution Channel and Property Claims Department, Mohd. Suffian Haji Mohd. Salleh.

Penandatanganan adalah bagi Pelan Takaful Keluarga Berkelompok untuk perlindungan kepada keanggotaan JBP, KHEDN bagi insurans kemalangan diri dan

Term Life Group yang memberi perlindungan kepada anggota dalam bentuk faedah pampasan kerana kematian atau hilang upaya kekal, merangkumi perlindungan 24 jam ketika bertugas di dalam juga luar negara, dalam tempoh tiga tahun, bagi seramai 1,473 keanggotaan dengan had perlindungan maksimum hingga BND100,000.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

JBP ada menyediakan pelbagai program keselamatan, seperti Kursus Fire Marshal, Kursus Life Saver 995 dan Taklimat Keselamatan Kebakaran bagi mengetahui pelbagai aspek keselamatan semasa



SYARIKAT Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd. melalui anak syarikatnya, Takaful Brunei Am Sdn. Bhd., memeterai perjanjian bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) yang ditandatangani oleh Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat bagi pihak JBP.









menangani kecemasan juga mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan Alat Pemadam Api.

Jika berlaku insiden kecemasan, hubungi Talian Kecemasan JBP 995 dan memberikan maklumat juga yang alamat tepat.

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 25 Mac 2022M/ 22 Sya'ban 1443H


Disediakan oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan,
Jabatan Hal Ehwal Masjid,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam

BERJIMAT MENGGUNAKAN AIR TANGGUNGJAWAB BERSAMA DAN AHLAN YA RAMADHAN




-  Air merupakan nikmat yang tidak ternilai yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita
-  Air merupakan keperluan asasi dalam kehidupan seharian kita
-  Keperluan untuk perkara ibadah seperti berwudhu, sembahyang, membaca Al-Quran dan seumpamanya
-  Hargai nikmat air yang diperolehi
-  Tidak menggunakan air secara berlebihan dari kadar yang diperlukan
-  Sifat membazir adalah satu sifat yang dicela
-  Sentiasa mengambil langkah berjimat cermat dan bertanggungjawab dalam penggunaan air
-  Meningkatkan kesabaran jika berlaku kesukaran mendapatkan bekalan air

**SAMA-SAMA
KITANI
BERINGAT!**


MENJELANG KEDATANGAN BULAN RAMADHAN AL-MUBARAK. SAMA-SAMALAH KITA MEMPERSIAPKAN DIRI DARI SEGI ROHANI. ANTARANYA:-

-  Mempertingkatkan amal ibadat
-  Mendalami ilmu agama
-  Mengqadha puasa Ramadhan pada bulan ini agar tidak terkena membayar fidyah

APAKAH PERKARA-PERKARA YANG PERLU DITITIKBERATKAN SEMASA DIBULAN RAMADHAN?

-  Memilih dan menyediakan makanan daripada sumber yang halal
-  Mengamalkan makanan yang seimbang dan bersederhana
-  Berpuasa dapat melatih perokok-perokok berazam untuk berhenti merokok

MENELUSURI NILAI TINGGI KARYA PARA PENULIS TANAH AIR



PANTARAN Sastera, DBP 2022 : Bedah Karya, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Bahagian Sastera dan Majalah berlangsung secara maya melalui penstriman platform Facebook, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dan aplikasi Zoom.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ihsan Dewan Bahasa dan Pustaka

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Mac. - Pantaran Sastera, DBP 2022 : Bedah Karya, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Bahagian Sastera dan Majalah berlangsung secara maya melalui penstriman platform Facebook, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dan aplikasi Zoom, di sini.

Dua buah karya sastera diapresiasi, iaitu Kumpulan Puisi Tarian Naga di Puncak Menara, karya Mahmudamit (penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara bagi Tahun 2012), Pembicara Karya ialah Penolong Profesor, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Haji Rozaiman bin Makmun; dan Kumpulan Sajak Mata Hati II (2018), karya Salmi Mesra (penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara bagi Tahun 2019), Pembicara Karya ialah penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara bagi Tahun 2020, Dr. Haji

Morsidi bin Haji Muhamad juga selaku pakar pengkirtik sastera. Terdahulu, Pemangku Pengarah, DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab, dalam ucapannya, berkata pelaksanaan kegiatan Bedah Karya ini merupakan antara pengisian kegiatan Pantaran Sastera DBP, yang disusun atur dalam usaha jabatan ini bersama rakan strategik DBP untuk memartabat juga memperkasa bahasa dan kesusasteraan Melayu, di negara ini. Oleh itu, ujarnya,

pengungkapan Bedah Karya ini menjadi salah satu medan ilmiah yang mampu menelusuri nilai tinggi karya-karya penulis tanah air, seterusnya memberikan pengetahuan dan kefahaman yang lebih mendalam terhadap karya-karya kreatif yang dibincangkan. Menurut beliau, secara tidak langsung, penilaian dan pembicaraan terhadap sesebuah karya itu, sekali gus akan dapat memangkin peserta untuk mengembangkan kemampuan menulis, seterusnya meningkatkan

kualiti penulisan. Program ini diadakan sebagai usaha mengembangkan kegiatan sastera di Negara Brunei Darussalam, di samping usaha mengapresiasi karya sastera penulis; mengangkat martabat bahasa Melayu melalui kegiatan sastera; memberi kefahaman dan penghayatan terhadap perkembangan sastera tanah air; menjadi sumber rujukan dan panduan para pelajar, peminat sastera; juga memperkaya ilmu pengetahuan dalam bidang sastera yang dibicarakan. Impak daripada pembicaraan karya tersebut, teks penulisannya dimuatkan dalam jurnal Pangsura, Jurnal Pengkajian dan Penelitian Sastera Asia Tenggara, sebagai sumbangan terhadap pembinaan dan pengembangan sastera lokal. Di samping itu, projek ini diusahakan bagi memperkenalkan tokoh-tokoh penulis dan karya sastera tempatan juga dimanfaatkan bersama oleh para intelektual sastera, pengkaji sastera, penulis sastera dan peminat sastera. Seramai lebih 150 pelayar menghadiri majlis secara maya melalui aplikasi Zoom dan penstriman platform Facebook, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, terdiri daripada Pemangku Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategi dan Dasar), KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah; para penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara; Pegawai dan Kakitangan DBP; wakil dari jabatan-jabatan di bawah KKBS; ahli akademik dan para mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi dalam juga luar negara; para penulis; persatuan; juga penggiat seni sastera, bahasa dan budaya dari dalam juga luar negara.

Jika sah positif COVID-19, asingkan diri dengan segera



KONSULTAN (Kesihatan Awam), Dr. Justin Wong; dan Konsultan (Penyakit Berjangkit), Dr. Dayang Hajah Riamiza Natalie binti Haji Momin dalam temu bual bersama media mengenai Protokol Kesihatan COVID-19 di Dewan AI-Afiah, Kementerian Kesihatan.

BERAKAS, Khamis, 24 Mac. - Jika awda disahkan positif COVID-19, adalah dinasihatkan untuk mengasingkan diri dengan segera di rumah dan laporkan Ujian Pantas Antigen (ART) positif dalam BruHealth. Jika diuji positif melalui PCR, awda tidak perlu melaporkannya. Kod BruHealth akan menjadi

Ungu pada hari pertama dan segera maklumkan semua kontak terdekat untuk menjalani Perintah Kuarantin di rumah. Konsultan (Kesihatan Awam), Dr. Justin Wong dan Konsultan (Penyakit Berjangkit), Dr. Dayang Hajah Riamiza Natalie binti Haji Momin menjelaskan perkara tersebut dalam temu bual bersama

media mengenai Protokol Kesihatan COVID-19 di Dewan AI-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini. Awda juga akan menerima notifikasi untuk menjawab soalan-soalan bagi menentukan kategori jangkitan melalui BruHealth. Jika layak, Notis Pengasingan di Rumah (NPR) akan diberikan melalui BruHealth. Jika awda tidak layak NPR, awda akan menerima panggilan dari EMAS Calling Team (ECT) dalam waktu terdekat. Ini adalah tertakluk kepada jawapan yang awda berikan terhadap soalan-soalan tersebut. Awda juga hendaklah melakukan laporan kesihatan harian dalam NPR setiap hari hingga hari discaj. Pastikan nombor telefon yang didaftarkan dalam akaun BruHealth adalah nombor awda yang betul. Ini akan memastikan untuk menerima notifikasi setiap hari bagi pemeriksaan sendiri. Awda juga tidak perlu melakukan ART setiap hari kerana ART akan dilakukan pada hari pertama dan hari keenam sahaja di dalam BruHealth. Jika keputusan ART negatif, awda boleh didiscaj apabila Kod BruHealth bertukar warna Hijau, akan tetapi jika keputusan ART positif, lakukan ART setiap hari

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid sehingga negatif atau sehingga hari ke-10. Awda tidak perlu melaporkan keputusan ART tersebut dalam BruHealth dan awda akan didiscaj pada hari ke-11 atau apabila Kod BruHealth bertukar ke warna Hijau. Bagi kontak terdekat pula, sila asingkan diri dengan segera dan isytiharkan diri awda sebagai kontak terdekat di dalam BruHealth melalui ciri ART. Kod BruHealth akan menjadi Merah pada hari pertama. Apa yang perlu dibuat adalah segera melaporkan keputusan ART pada hari pertama di dalam BruHealth. Jika keputusan ART negatif, ulangi dan laporkan ART pada hari kelima. Jika kekal negatif, awda didiscaj keesokan hari dan Kod BruHealth berubah ke warna asal secara automatik. Tetapi jika positif, Kod BruHealth menjadi Ungu pada hari pertama. Sila maklumkan semua kontak terdekat untuk menjalani kuarantin di rumah. Awda akan menerima notifikasi untuk menjawab soalan-soalan bagi menentukan kategori jangkitan melalui BruHealth. Jika layak, NPR akan diberikan melalui BruHealth.

Jika awda tidak layak NPR, awda akan menerima panggilan dari ECT dalam waktu tersebut. Ini adalah tertakluk pada jawapan yang diberikan terhadap soalan-soalan tersebut. Awda juga dimestikan untuk melaporkan kesihatan harian dalam NPR setiap hari hingga awda didiscaj. Sila pastikan nombor telefon yang didaftarkan dalam akaun BruHealth adalah nombor awda kerana ini akan memastikan untuk menerima notifikasi setiap hari bagi pemeriksaan sendiri. Awda tidak perlu melakukan ART setiap hari kerana ART hanya perlu dilakukan pada hari pertama dan hari keenam. Laporkan ART pada hari keenam di dalam BruHealth. Jika keputusan negatif, awda akan didiscaj dan Kod BruHealth bertukar ke warna Hijau. Jika positif, lakukan ART setiap hari hingga negatif atau sehingga hari ke-10. Seterusnya, awda tidak perlu melaporkan keputusan ART tersebut dalam BruHealth. Awda juga akan didiscaj pada hari ke-11 atau apabila Kod BruHealth bertukar ke warna Hijau.

GRADUAN IBTE TERIMA SIJIL



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi selaku Ahli Lembaga Pengelola Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) menyampaikan sijil kepada graduan (kiri), manakala gambar kanan, Pengarah Strategi Tenaga Manusia / Ketua Sekretariat Manpower Planning and Employment Council (MPEC), Jabatan Perdana Menteri, Dr. Hajah Siti Haziah binti Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Ahli Lembaga Pengelola IBTE hadir pada Majlis Konvokesyen IBTE Ke-29 pada sesi kedua sebelah pagi.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Rabu, 23 Mac. - Seramai 688 graduan menerima sijil masing-masing pada hari terakhir (sesi pagi dan petang) pada Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Ke-29 yang dibahagikan pada tiga sesi, mulai Isnin lalu. Majlis diadakan di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Pada sesi pertama sebelah pagi, menyaksikan seramai 489 menerima sijil masing-masing, di

mana pada sesi pertama ini, seramai 99 graduan menerima Sijil Tertinggi Kebangsaan Pendidikan Teknikal Brunei (HNTEC); dan seramai 143 graduan menerima Sijil Kebangsaan Pendidikan Teknikal Brunei (NTec).

Hadir bagi menyampaikan sijil berkenaan ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof selaku Ahli Lembaga Pengelola IBTE. Graduan yang menerima sijil pada

sesi ini adalah dari IBTE School of Hospitality.

Tetamu kehormat majlis juga menyempurnakan penyampaian hadiah kepada beberapa penerima-penerima anugerah iaitu Anugerah Pelajar Terbaik diberikan kepada Dayang Nur Afiqah binti Awang Haji Suhaimi (HNTEC in Hospitality Operations) dan Awang Muhammad Abdul Qaiyum bin Haji Rabae (NTec Apprenticeship in Professional Cookery and Services).

Sementara Anugerah Khas Pelajar (Student Special Award) diberikan kepada Henny Rena Abdullah Garisu @ Henny Rena

Garisu (School of Hospitality and Tourism).

Manakala pada sesi kedua sebelah pagi, penyampaian sijil kepada 247 graduan, yang disempurnakan oleh tetamu kehormat, Pengarah Strategi Tenaga Manusia / Ketua Sekretariat Manpower Planning and Employment Council (MPEC), Jabatan Perdana Menteri, Dr. Hajah Siti Haziah binti Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Ahli Lembaga Pengelola IBTE.

Penerima-penerima pada sesi ini terdiri daripada graduan lepasan IBTE School of Information and

Communication Technology.

Daripada jumlah tersebut, seramai 160 graduan menerima Sijil HNTEC Brunei dan seramai 87 graduan menerima Sijil NTEC Brunei.

Majlis juga diteruskan dengan penyampaian anugerah kepada dua graduan, iaitu Anugerah Pelajar Terbaik diberikan kepada Awang Md. Farhan Azwar bin Awang Md. Sharol Shaheezam (NTec in Information Technology) dan Anugerah Khas Pelajar diberikan kepada Awang Mohamad Hafiz bin Mohamad Bekeri (HNTEC in Informational Technology).

Konvokesyen IBTE : 199 graduan terima sijil pada hari terakhir

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



BERAKAS, Rabu, 23 Mac. - Seramai 688 orang graduan menerima sijil masing-masing, pada hari terakhir Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kali Ke-29, yang dibahagikan pada tiga sesi, mulai Isnin lalu.

Majlis diadakan di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Pada sebelah petang, seramai 199 orang graduan menerima sijil mereka masing-masing.

Daripada jumlah tersebut, seramai 36 orang graduan menerima Sijil Kebangsaan Pendidikan Teknikal Brunei (NTec) dari IBTE School of Energy and Engineering Satellite.

Manakala seramai 163 graduan menerima Sijil Tertinggi Kebangsaan Pendidikan Teknikal Brunei (HNTEC) adalah graduan dari IBTE School of Business.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil-sijil kepada para graduan, Timbalan Presiden Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA), Pengerusi Bahagian Arkitek, Ar. Haji Abdullah bin Haji Ahmad menyampaikan sijil kepada para graduan (atas kiri dan kiri).

TIMBALAN Presiden Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA), Pengerusi Bahagian Arkitek, Ar. Haji Abdullah bin Haji Ahmad menyampaikan sijil kepada para graduan (atas kiri dan kiri).



PARA graduan yang menerima sijil mereka masing-masing (atas sekali dan atas).

MAKLUMAN IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

Iklan
Jawatan Kosong



Talian Whatsapp
Suruhanjaya
Perkhidmatan Awam

PSC, BN



سوروهنجاي فر خدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

+673 7371961 PSC, BN query@pau.gov.bn

Jawatan, Tangga Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1. PENOLONG PENYELIA UJIAN MEMANDU C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2022/MAR/15	JABATAN PENGANGKUTAN DARAT, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	01	7(A)	02 APRIL 2022
2. PEGAWAI BALAI P6 (BAHAGIAN IV) 2022/MAR/14	JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	09	7(A)	02 APRIL 2022
3. TIMBALAN PEGAWAI BALAI P5 (BAHAGIAN IV) 2022/MAR/25	JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	11	7(A)	02 APRIL 2022
4. PENOLONG PEGAWAI BALAI P4 (BAHAGIAN IV) 2022/MAR/26	JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	04	7(A)	02 APRIL 2022
5. OPERATOR KENDERAAN TINGKAT II E.3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2022/MAR/13	PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	02	7(A)	02 APRIL 2022
6. JURULATIH KESENIAN D.4 EB.5-6 (BAHAGIAN IV) 2022/MAR/11	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN	01	38(B)	02 APRIL 2022
7. PEGAWAI LATIHAN B.2 EB.3 / B.2 (BAHAGIAN II) 2022/MAR/18	JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI, JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	04 APRIL 2022
8. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II B.2 EB.3 / B.2 (BAHAGIAN II) 2022/MAR/20	PEJABAT WAWASAN BRUNEI, JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	04 APRIL 2022

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

MAKLUMAN
PENUKARAN TARIKH
TERAKHIR MENGHANTAR
DOKUMEN TAWARAN

Bilangan Tawaran :
KHEDN / PPA / BEN(L) / 2022

Tajuk Tawaran :
KENYATAAN TAWARAN
SEBUT HARGA BAGI
MEMBEKAL BENDERA BESAR
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM BERUKURAN
12' X 24' UNTUK
UPACARA PENGIBARAN
BENDERA BESAR
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM SEMPERNA
SAMBUTAN PERAYAAN
ULANG TAHUN HARI
KEPUTERAAN KEBAWAH
DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN DAN YANG
DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM YANG
KE 76 TAHUN BAGI
TAHUN 2022

Bilangan Tawaran :
KHEDN / PPA / BEN(M) / 2022

Tajuk Tawaran :
KENYATAAN TAWARAN SEBUT
HARGA BAGI MEMBEKAL
BENDERA NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM BERUKURAN 8'
X 4' UNTUK UPACARA
PENGIBARAN BENDERA
BESAR NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM SEMPERNA
SAMBUTAN PERAYAAN ULANG
TAHUN HARI KEPUTERAAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA
MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN DAN YANG
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM YANG KE 76
TAHUN BAGI TAHUN 2022

Tarikh Terakhir Menghantar
Dokumen Tawaran
ditutur kepada :
Rabu,
30 Mac 2022

JABATAN MUZIUM-MUZIUUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

KENYATAAN SEBUT HARGA

Bilangan Sebut Harga :
01 / JMM / S / 12 / 91
(2022 / 2023)

Tajuk Sebut Harga :
SEBUT HARGA BAGI
PERKHIDMATAN
PENGANGKUTAN SAMPAH
BERBAYAR BAGI
BANGUNAN-BANGUNAN DI
BAWAH KAWALAN JABATAN
MUZIUM-MUZIUUM BAGI
TEMPOH DUA (2) TAHUN

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Tidak lewat jam 2.00 Petang
Selasa, 5 April 2022



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

BAHAGIAN TEKNOLOGI
MAKLUMAT KEMENTERIAN
HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Bil. Sebut Harga :
105 / KHEU / BTM /
2 / RFQ / 2021

Tajuk Sebut Harga :
TO SUPPLY AND DELIVERY
OF A3 AND A4 PRINTERS FOR
VARIOUS DEPARTMENTS OF
MINISTRY OF RELIGIOUS
AFFAIRS,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Bil. Sebut Harga :
106 / KHEU / BTM /
2 / RFQ / 2021

Tajuk Sebut Harga :
SUPPLY AND
DELIVERY OF ID CARD
PRINTER AND
CONSUMABLES FOR
DEPARTMENT OF ISLAMIC
RELIGIOUS COUNCIL
MINISTRY OF
RELIGIOUS AFFAIRS

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu,
6 April 2022,
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MAKLUMAN
PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA /
FY2022 / GRU / TA /
002 - CATERING SERVICE
(AD-HOC PACKED MEALS)
FOR GURKHA
RESERVE UNIT
(APRIL 2022)

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa,
29 Mac 2022,
jam 2.00 Petang.



BIRO MENCEGAH RASUAH

Bilangan Tawaran :
BMR / SH / 07 / 2022 / 2023

Tajuk Tawaran :
QUOTATION
FOR
PROPOSED FLOORING
FOR FIRST FLOOR,
OLD BUILDING,
ANTI CORRUPTION BUREAU,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

BIRO
MENCEGAH RASUAH
(BMR)
JALAN LAPANGAN
TERBANG LAMA BERAKAS
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat dari
jam 12.00
Tengah Hari,
Selasa,
5 April 2022.



JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Tawaran Kastam :
AUCTION / 03 / 2022

Keterangan Tawaran :
JUALAN LELONG EMAS
KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT
KEDAI EMAS,
JABATAN KASTAM
DAN EKSAIS DIRAJA,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

A. LELONG EMAS

KETERANGAN tarikh dan waktu
serta tempat bagi Lelong Emas ini
adalah seperti berikut :

Tarikh :
14 April 2022
(Khamis)
& 15 April 2022
(Jumaat)
bagi lawatan
syarikat-syarikat

kedai emas

Jam :
9.00 Pagi
hingga

12.00 Tengah Hari bagi lawatan
syarikat-syarikat
kedai emas

Tempat Lawatan :

Bilik Mesyuarat Arusya,
Tingkat Bawah
Ibu Pejabat Jabatan Kastam
dan Eksais Diraja,
Jalan Menteri Besar,
BB3910
Negara Brunei Darussalam

Tempat Menghantar Borang :

Peti Tawaran.
Tingkat Bawah,
Ibu Pejabat Jabatan Kastam
dan Eksais Diraja
Jalan Menteri Besar, BB3910
Negara Brunei Darussalam

Jam Tutup Menghantar
Borang Tawaran :
Sebelum
jam 2.00 Petang

B. SYARAT DAN PERATURAN

1. Emas yang dilelong hanyalah
dibukakan kepada syarikat-
syarikat kedai emas sahaja.

2. Borang boleh diperolehi semasa
sesi pemeriksaan senarai
barangan jualan lelong emas.

3. Penyertaan jualan lelong
dalam borang yang diadapkan
tidak boleh dibatalkan atau
menarik diri daripada
tawaran.

4. Peserta yang berjaya
hendaklah mengambil emas
dengan membuat pembayaran
 tunai dalam tempoh tujuh (7)
hari daripada tarikh
 pemberitahuan.

5. Jualan emas tidak boleh
dikembalikan selepas dibeli
 dan wang tidak akan
 dikembalikan.

6. Tarikh tutup bagi pembayaran
lelong emas ini adalah pada
26 April 2022, jam 2.00
Petang.

7. Borang penyertaan lelong
hendaklah dimasukkan ke dalam
Peti Tawaran, Tingkat Bawah,
Ibu Pejabat Jabatan Kastam
 dan Eksais Diraja, Jalan
 Menteri Besar, Negara Brunei
 Darussalam sebelum tarikh
 tutup pada 26 April 2022
 sebelum jam 2.00 Petang.

WAKAFKAN MUSHAF UNISSA DI DALAM ATAU LUAR NEGARA



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menyampaikan Wakaf Mushaf UNISSA kepada penerima.



KETUA Unit Penerbitan Mushaf UNISSA, Awang Muhammad Riziman bin Haji Usin ketika berucap.

GADONG, Rabu, 23 Mac. - Setakat 21 Mac 2022, sebanyak 4,253 naskah Mushaf Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) ditempah untuk diwakafkan, di mana Projek Wakaf Mushaf ini merupakan projek berterusan dan ia masih lagi dibukakan kepada

orang ramai.

Berkat sambutan orang ramai dalam menjayakan Program Wakaf Mushaf UNISSA, yang dibukakan sejak 16 Februari 2022 lalu, Wakaf Mushaf UNISSA mula diagihkan ke masjid-masjid, surau, balai ibadat, sekolah-sekolah agama, Arab, Institusi Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah, sekolah-sekolah rendah dan menengah, Sekolah Al-Falaah, Nadi Al-Quran juga saudara-saudara baharu.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Wakaf Mushaf UNISSA berlangsung di Auditorium UNISSA, di sini, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, seterusnya menyempurnakan Penyerahan Wakaf Mushaf tersebut, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Ketua Unit Penerbitan Mushaf UNISSA, Awang Muhammad Riziman bin Haji Usin, dalam ucapan alu-aluannya, antara lain mengongsikan sejarah mushaf tersebut yang merupakan hasil daripada Mushaf UNISSA, yang ditulis tangan oleh anak tempatan

dan dijadikan kepala perarakan, pada setiap Majlis Hafli Al-Takharruj UNISSA.

Menurutnya, pada 26 Zulkaedah 1432 Hijrah bersamaan 24 Oktober 2011 Masihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UNISSA berkenan merasmikan penulisan mushaf ini, dengan menulis Basmalah, dalam ruangan Surah Al-Fatihah.

Majlis tersebut menurutnya, merupakan satu lakaran sejarah yang sangat bermakna pada UNISSA.

Menyentuh mengenai penggunaan mushaf itu, beliau menambah, ia buat julung kalinya digunakan sebagai kepala perarakan Majlis Hafli Al-Takharruj UNISSA Ke-10, yang diadakan pada 9 November 2020, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

"Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, pada tahun ini, pihak UNISSA telah menerbitkan mushaf ini, berukuran kecil untuk diedarkan dan juga memberi peluang kepada orang ramai untuk berwakaf berbentuk mushaf," ujarnya lagi.

Bagi memudahkan orang ramai, pihak UNISSA menyediakan pautan khas untuk memudahkan mereka mendaftar menggunakan e-form dan membuat pembayaran secara dalam talian.

Pada fasa pertama ini, UNISSA memperuntukkan 20 ribu naskah Mushaf UNISSA untuk projek wakaf ini, dengan menyasarkan institusi masjid, surau, balai ibadat, institusi pendidikan, saudara-saudara baharu dan institusi atau organisasi luar negara sebagai penerima wakaf.

Bagi Wakaf Mushaf UNISSA ke luar negara, UNISSA akan mengagihkan secara berperingkat ke tempat yang dipilih oleh Jawatankuasa Wakaf UNISSA, mengikut tempahan orang ramai, dan setakat ini, sebahagian besar para pewakaf menyalurkan Wakaf Mushaf UNISSA ke luar negara.

Objektif wakaf tersebut dilaksanakan adalah untuk

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah


membuka ruang kepada orang ramai yang ingin berwakaf mushaf ke tempat-tempat yang memerlukan, di dalam dan luar negara, sekali gus menjadikan UNISSA sebagai platform bagi menguruskan wakaf mushaf tersebut.

Selain projek wakaf, UNISSA juga membukakan kepada orang ramai yang ingin memiliki mushaf ini, dengan harga jualan sebanyak

BND20 senaskah dan boleh didapati, di Unit Penerbitan Mushaf UNISSA juga di Kedai Buku UNISSA Press.

Adalah diharap, Projek Wakaf Mushaf UNISSA ini mendapat keberkatan dan memudahkan orang ramai untuk menunaikan ibadah wakaf bagi meraih pahala yang berlipat ganda juga mushaf ini dapat dimanfaatkan sebaiknya.

Protokol 1: Menerima rujukan daripada doktor untuk menjalani ujian PCR (dikemaskini 5 Mac 2022)



ANTARA yang hadir pada Majlis Penyerahan Wakaf Mushaf tersebut.

Apa yang perlu saya hadapkan di dalam gambar ujian ART untuk dimuat naik dalam aplikasi Bruhealth?



Ujian ART

Sila catit ujian ini adalah bagi hari ke berapa (contoh Hari-1 atau Hari-5)



Bukti menunjukkan tarikh pada hari berkenaan

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Lindungi Anak-anak Daripada Bahaya Digital'. Tarikh Tutup : 30 Mac 2022
2. 'Rebut Peluang Raih Kelebihan Ramadan'. Tarikh Tutup : 6 April 2022
3. 'Pastikan Kongsikan Maklumat Tepat dan Sahih'. Tarikh Tutup : 13 April 2022

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PENYERAHAN BANTUAN KEPADA MUALAF DITERUSKAN



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Pusat Da'wah Islamiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Mac. - Projek Fathul Barakah 3.0 diteruskan lagi dengan pengagihan bantuan ke rumah-rumah mualaf yang memerlukan di Daerah Brunei dan Muara, di sini.

Kesinambungan pengagihan sumbangan diserahkan kepada lapan buah keluarga mualaf yang tinggal di Kampung Bengkurong,

Masin, Sinarubai dan Bebuloh yang dibahagikan dalam beberapa kumpulan.

Penyerahan bantuan hari ini disempurnakan oleh Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh yang juga selaku ketua rombongan.

Turut menyertai agihan tersebut, penyerahan ialah Ketua Bahagian

Pembangunan Muallaf, PDI, Dr. Hajah Rohanita binti Haji Yaakub. Bantuan yang diberikan adalah keperluan harian berupa makanan asasi sumbangan daripada orang ramai yang diadakan secara pandu lalu serentak di keempat-empat daerah pada 5 dan 6 Mac 2022 yang lalu.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Pegawai PDI, Awang Haji Mohd. Nazir bin Haji Othman dan kemudiannya



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh yang juga selaku ketua rombongan menyerahkan Wakaf Mushaf UNISSA dan mengagihkan bantuan kepada mualaf pada Projek Fathul Barakah 3.0 berkenaan (atas dan kiri).

rombongan mula bergerak ke rumah-rumah penerima.

Selain barangan asasi, sumbangan diselajurkan dengan penyerahan Wakaf Mushaf UNISSA dan Poster Tarbiah kolaborasi bersama Bahagian Kajian dan Penerbitan, PDI.

Projek Fathul Barakah 3.0 merupakan inisiatif Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui PDI dengan kerjasama Persatuan-persatuan Mualaf Seluruh Negara,

bertujuan untuk membantu meringankan beban kehidupan para mualaf di negara ini.

Selain mengukuhkan lagi silaturahim di antara para mualaf di negara ini bersama warga PDI, projek ini juga dihasrat akan dapat memberikan semangat kepada para mualaf untuk melaksanakan ibadah dengan selesa, terutama sekali bagi menyambut kedatangan bulan Ramadan 1443 Hijrah.

Prihatin terhadap mualaf yang memerlukan



PENOLONG Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Abd. Aziz bin Haji Abd. Kahar juga selaku ketua rombongan menyampaikan sumbangan kepada mualaf pada Projek Fathul Barakah 3.0 berkenaan (atas dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dengan kerjasama Persatuan-persatuan Mualaf Seluruh Negara meneruskan lagi acara kebajikan melalui Projek Fathul Barakah 3.0 ke rumah-rumah mualaf di Daerah Brunei dan Muara.

Sebanyak tujuh buah keluarga mualaf di Mukim Sengkurong, iaitu Kampung Sengkurong, Kampung Tanjong Nangka dan Kampung Mulaut menerima sumbangan bantuan di bawah projek berkenaan, baru-baru ini.

Penyampaian sumbangan dilaksanakan oleh Penolong Pengarah PDI, Awang Abd. Aziz bin Haji Abd. Kahar juga selaku ketua rombongan. Turut hadir, Ketua Bahagian Pembangunan Muallaf, PDI, Dr. Hajah Rohanita binti Haji Yaakub.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa oleh Pegawai PDI dan seterusnya rombongan bergerak ke rumah-rumah penerima.

Turut disertakan bersama sumbangan ialah pemberian Poster Tarbiah dengan kerjasama Bahagian Kajian dan Penerbitan, PDI.

Projek Fathul Barakah 3.0 merupakan salah satu usaha PDI dengan kerjasama Persatuan-persatuan Mualaf Seluruh Negara dalam memberikan peluang kepada orang ramai untuk sama-sama menyalurkan bantuan, berupa keperluan harian, seperti makanan asasi kepada asnaf mualaf sempena kedatangan bulan Ramadan 1443 Hijrah.

Sumbangan yang diberikan juga agar para mualaf dapat melaksanakan ibadah puasa dengan selesa, di samping menjalani kehidupan seharian.

Tujuan Projek Fathul Barakah 3.0, antaranya adalah untuk mengeratkan hubungan

CORONAVIRUS (COVID-19)

DO'A PENDINDING DIRI
(Dibaca sebanyak 7 kali)

حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ

Terjemahan makna ayat:
"Cukuplah Allah untuk (menolong) ku, tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia. KepadaNya aku bertawakkal. Dan Dia ialah Tuhan yang memiliki 'Arasy yang agung."

Surah at-Taubah : ayat 129



silaturahim di antara mualaf bersama warga PDI, dalam sama-sama mengukuhkan

kerja-kerja berkebakjian untuk kesejahteraan mualaf, khususnya di Negara Brunei Darussalam.

NBD RAIH KEDUDUKAN KE-12 BAGI PERKEMBANGAN KEWANGAN ISLAM

■ **Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Mac. - Negara Brunei Darussalam (NBD) meraih kedudukan ke-12 daripada 135 negara yang dinilai bagi perkembangan kewangan Islam seperti yang dilaporkan dalam Islamic Finance Development Report 2021 : Advancing Economies yang dikeluarkan oleh Refinitiv.

Laporan tersebut mengambil kira data keseluruhan bagi tahun 2020 dengan NBD mencapai sebanyak 34 mata dalam Islamic Finance Development Indicator (IFDI).

IFDI secara purata global bagi tahun 2020 meningkat kepada 1.0 mata, berbanding 10.8 mata, pada tahun sebelumnya. Skor IFDI 2021 mengambil kira beberapa metrik utama yang membentuk tahun 2020 semasa penularan pandemik COVID-19.

Laporan tersebut menunjukkan bahawa industri kewangan Islam global mengekalkan pertumbuhan dua angka, iaitu sebanyak 14 peratus tahun ke tahun dengan jumlah USD3.374 trilion, pada

tahun 2020, walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran disebabkan oleh pandemik COVID-19.

Laporan tersebut juga menggambarkan industri kewangan Islam global akan meningkat kepada USD4.94 trilion menjelang tahun 2025 dengan purata pertumbuhan dianggarkan sebanyak 8 peratus, dalam tempoh lima tahun akan datang.

Perbankan Islam merupakan bahagian terbesar dalam aset kewangan Islam 2020 (70 peratus), diikuti oleh Sukuk (19 peratus), institusi kewangan Islam lain (5 peratus), dana Islam (5 peratus) dan Takaful (2 peratus).

Refinitiv menerbitkan laporan IFDI setiap tahun untuk memberikan maklumat mengenai kemajuan perkembangan kewangan Islam dan profil pelbagai pasaran kewangan Islam global.

Kemajuan perkembangan kewangan Islam adalah berdasarkan lima penunjuk utama, iaitu Perkembangan Kuantitatif (Perbankan Islam, Takaful, Institusi

Kewangan Islam lain, Sukuk dan Dana Islam); Pengetahuan (Pendidikan dan Penyelidikan); Tadbir Urus (Peraturan, Tadbir Urus Syariah dan Tadbir Urus Korporat); Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility - CSR) (Aktiviti CSR dan Dana CSR); dan Kesedaran (Seminar, Laporan dan Persidangan).

Malaysia, Indonesia dan Arab Saudi dilaporkan sebagai tiga pasaran kewangan Islam teratas dalam pembangunan keseluruhan, manakala Maldives naik kedudukan daripada tempat ke-12 kepada tempat ke-10 dengan peningkatan yang ketara bagi penunjuk CSR.

Pada tahun 2020, NBD meraih tempat pertama dalam sub-penunjuk Peraturan, di bawah penunjuk Tadbir Urus. Di samping itu, NBD menunjukkan peningkatan yang ketara bagi penunjuk Pengetahuan, dengan NBD mencapai kedudukan kelima bagi sub-penunjuk Penyelidikan.

Dari segi pertumbuhan aset, NBD mencapai kedudukan kelapan dalam aset institusi kewangan

Islam lain dengan nilai sebanyak USD2 bilion dan berada di kedudukan ke-10 negara teratas dalam aset Takaful bernilai sekitar USD0.4 bilion, pada tahun 2020.

Laporan tersebut juga mengenal pasti NBD sebagai salah satu negara yang menerbitkan jumlah sukuk yang agak signifikan secara berterusan di rantau Asia Tenggara bersama dengan Malaysia dan Indonesia.

Asia Tenggara dicatatkan memegang nilai aset Sukuk tertinggi secara global dengan jumlah USD335 bilion.

Laporan tersebut juga melaporkan pelbagai peluang bagi perkembangan Islamic FinTech di NBD sebagai salah satu pasaran kewangan Islam yang sedang membangun.

Ini termasuk penyertaan platform *peer-to-peer* (P2P) *crowdfunding* patuh Syariah pertama dalam FinTech Regulatory Sandbox dan penerbitan The State of FinTech in Brunei Darussalam Whitepaper yang antara lainnya mengongsikan pelbagai bidang dalam Islamic FinTech di NBD yang berpotensi untuk pertumbuhan.

■ **NEGARA Brunei Darussalam (NBD) meraih kedudukan ke-12 daripada 135 negara yang dinilai bagi perkembangan kewangan Islam.**

■ **PADA tahun 2020, NBD meraih tempat pertama dalam sub-penunjuk Peraturan, di bawah penunjuk Tadbir Urus.**

■ **NBD mencapai kedudukan kelapan dalam aset institusi kewangan Islam lain dengan nilai sebanyak USD2 bilion dan berada di kedudukan ke-10 negara teratas dalam aset Takaful bernilai sekitar USD0.4 bilion pada tahun 2020.**

■ **NBD sebagai salah satu negara yang menerbitkan jumlah sukuk yang agak signifikan secara berterusan di rantau Asia Tenggara bersama dengan Malaysia dan Indonesia.**

Berkongsi strategi menamatkan pemerdagangan manusia



BAKAL Duta Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam, Caryn McClelland menyampaikan sijil penghargaan kepada Timbalan Peguam Kanan dan Timbalan Pendakwa Raya di Jabatan Peguam Negara, Aminudin Zaki Dato Abdul Rahman yang berjaya menyelesaikan Program Kepimpinan Pelawat Antarabangsa (International Visitor Leadership Program - IVLP) untuk memerangi pemerdagangan manusia.

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Kedutaan Amerika Syarikat di Negara Brunei Darussalam**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Mac. - Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan sukacitanya mengumumkan bahawa Timbalan Peguam Kanan dan Timbalan Pendakwa Raya di Jabatan Peguam Negara, Aminudin Zaki Dato Abdul Rahman berjaya menyelesaikan Program Kepimpinan Pelawat Antarabangsa (International Visitor Leadership Program - IVLP) untuk memerangi pemerdagangan manusia.

Aminudin Zaki merupakan salah seorang daripada 29 orang pegawai penguat kuasa undang-undang dari seluruh dunia mengambil bahagian dalam program tersebut, bermula 3 hingga 25 Februari 2022.

Sepanjang tiga minggu tersebut, para peserta meneliti amalan terbaik dalam memerangi pemerdagangan manusia;

memfokuskan pada kedua-dua buruh hamba; dan pemerdagangan seks.

Aktiviti termasuk menyemak perundangan AS, peraturan visa dan penguatkuasaan dan pendakwaan ke atas penyeludup; meneroka inisiatif untuk mengenal pasti, melindungi, membantu dan menyediakan perkhidmatan untuk mangsa pemerdagangan; usaha untuk meningkatkan kesedaran melalui media; dan kerjasama dari masyarakat tempatan, negara juga antarabangsa dalam memerangi pemerdagangan manusia.

Para peserta juga turut membincangkan strategi untuk menamatkan pemerdagangan, baik di dalam dan luar negara dengan agensi kerajaan tempatan, negeri dan persekutuan, pegawai penguat kuasa undang-undang, pendidik, pemimpin NGO dan kumpulan advokasi.

"Banyak yang saya pelajari dan

berharap dapat terus berkongsi penambahbaikan dan pengajaran yang boleh kita laksanakan di Brunei.

"Pengambilan paling penting daripada IVLP ialah kepentingan kerjasama dan kerjasama berterusan di antara semua agensi berkaitan dalam memerangi pemerdagangan manusia dari agensi penguatkuasaan undang-undang dan pihak pendakwaan kepada NGO dan agensi lain yang boleh membantu mangsa semasa proses undang-undang.

"IVLP juga membekalkan saya rangkaian dan titik hubungan yang sangat baik untuk terus berhubung dan dapat terus mengikuti perkembangan juga peluang latihan," kata Aminudin Zaki.

Selepas selesai program tersebut, Aminudin Zaki juga mengadakan perjumpaan bersama bakal Duta AS ke NBD, Caryn McClelland bagi membincangkan pengetahuan yang diperoleh daripada program

Tiada DNA khinzir dalam gegelang sotong beku

■ **Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Mac. - Susulan tular di media sosial mengenai dakwaan gegelang sotong sejuk beku yang dihasilkan daripada bahagian khinzir, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) menjalankan penyiasatan mengenai perkara ini.

Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH) di JHES membuat pemeriksaan ke beberapa buah pasar raya di negara ini dan mengambil beberapa buah sampel gegelang sotong daripada pelbagai jenis untuk dianalisis.

Sampel-sampel tersebut dihantar ke Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan dan disahkan, bahawa tiada DNA khinzir dikesan dalam sampel-sampel terbabit. Dengan ini dimaklumkan, bahawa maklumat yang ditularkan itu adalah tidak benar.

Bagi mengelakkan masyarakat Islam di negara ini terjebak daripada memakan makanan yang tidak halal atau diragui kehalalannya, KHEU sangat mengalu-alukan kerjasama orang ramai untuk memaklumkan atau membuat aduan jika mendapati penjualannya di premis-premis perniagaan secara terbuka.

Orang ramai bolehlah menghubungi BKMH, JHES menerusi talian +673 7166222 atau datang terus ke mana-mana Pejabat BKMH, di setiap daerah.

itu dan meneroka bagaimana NBD boleh bekerjasama bersama AS untuk memerangi pemerdagangan manusia.

Semasa pertemuan baru-baru ini, McClelland juga turut menyampaikan sijil penghargaan kepada Aminudin Zaki.

"AS amat komited untuk memerangi pemerdagangan manusia dan berminat untuk bekerjasama bersama NBD bagi memastikan penyeludup ditangkap dan didakwa mengikut undang-undang sepenuhnya.

"Kerjasama antarabangsa adalah asas untuk membanteras pemerdagangan manusia kerana penyeludup itu sendiri beroperasi merentasi pelbagai sempadan," jelas McClelland.

NBD kekal dalam Senarai Pemerhatian Tahap 2 dalam laporan pemerdagangan manusia Jabatan Negara AS selama tiga tahun berturut-turut.

Ini bermakna, NBD masih belum memenuhi sepenuhnya piawaian minimum Akta Perlindungan Mangsa Pemerdagangan dan perlu menunjukkan usaha yang serius dan berterusan dalam memerangi pemerdagangan manusia bagi mengelakkan penurunan automatik ke Tahap 3. IVLP merupakan program pertukaran profesional utama Jabatan Negara AS, menghubungkan pemimpin asing semasa dan baharu muncul bersama rakan sejawatan mereka dari AS melalui program jangka pendek untuk membina persefahaman bersama mengenai pelbagai isu.

Hampir 200,000 individu terkenal menyertai program tersebut, termasuk lebih daripada 335 ketua negara atau ketua kerajaan semasa atau bekas dan ribuan pemimpin dari sektor awam dan swasta.

MEMBARIGA KONDISI, NASIHAT CUACA



NEGARA Brunei Darussalam selaku Ahli Pertubuhan Kaji cuaca Sedunia (WMO), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi melalui Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, mengadakan satu Forum Cuaca, bertajuk 'Amaran Awal dan Tindakan Awal Untuk Daya Tahan Yang Lebih Kuat' sempena memperingati dan menyambut Hari Kaji cuaca Sedunia 2022, yang diadakan secara maya melalui aplikasi Microsoft Teams.

■ Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Mac. - Sejak kebelakangan ini kejadian bencana alam semakin kerap berlaku, terutamanya bencana alam yang berkaitan dengan hidrometeorologi.

Hidrometeorologi adalah gabungan meteorologi dan hidrologi yang melibatkan kitaran air di antara atmosfera yang lebih rendah dan permukaan tanah.

Peningkatan kejadian bencana ini adalah disebabkan oleh perubahan iklim, pertumbuhan penduduk, dan pembandaran yang menyebabkan lebih ramai orang dan aset ekonomi terdedah kepada bahaya hidrometeorologi dan yang paling menyedihkan ialah hakikat bahawa banyak nyawa terkorban setiap tahun akibat peristiwa sebegini walaupun amaran awal telah dikeluarkan.

Pegawai Kaji cuaca, Jabatan

Kaji cuaca Brunei Darussalam (BDMD), Dayang Nurulnani binti Haji Jahari menyatakan perkara itu selaku panel Forum Cuaca, bertajuk 'Amaran Awal dan Tindakan Awal Untuk Daya Tahan Yang Lebih Kuat' sempena memperingati dan menyambut Hari Kaji cuaca Sedunia 2022, yang diadakan secara maya melalui aplikasi Microsoft Teams, di sini.

Menurut Dayang Nurulnani, amaran cuaca yang tepat pada masanya tidak menjamin keselamatan nyawa. Oleh sebab itu, Pertubuhan Kaji cuaca Sedunia (The World Meteorological Organisation - WMO) menyarankan Impact-Based Forecast (IBF) dan amaran untuk dilaksanakan juga diamalkan oleh semua perkhidmatan meteorologi dan hidrologi negara, di seluruh dunia.

Menyentuh mengenai

bagaimana BDMD memberi amaran cuaca awal *in line with* IBF.

"Sebagai autoriti cuaca dan iklim kebangsaan, BDMD berhasrat untuk memberikan perkhidmatan cuaca dan iklim yang terbaik, terutamanya dari segi penyediaan amaran dan nasihat cuaca awal bagi kepentingan keselamatan dan kesejahteraan semua.

"Salah satu cara BDMD memberi nasihat awal adalah dengan mengadakan sesi taklimat cuaca kebangsaan, di mana BDMD memberikan ramalan jangka panjang bagi tempoh tiga bulan ke hadapan bagi Negara Brunei Darussalam.

"Ramalan jangka panjang ini menggunakan statistik iklim dan juga mengambil kira keadaan *climate drivers*, seperti El-Nino Southern Oscillation dan Indian Ocean Dipole.

"Maklumat ramalan jangka panjang adalah sangat penting

bagi persediaan awal agensi-agensi berkenaan jika perlu. Misalnya, jika turunan hujan dijangka meningkat melebihi jumlah kebiasaannya disebabkan keadaan La-Nina, jadi agensi-agensi yang berkenaan dan juga orang ramai boleh membuat persiapan awal untuk menghadapi banjir yang berpotensi berlaku," ujarnya.

Selain itu, katanya, kemajuan dalam sains dan teknologi telah membolehkan BDMD memberikan amaran cuaca awal *with reliable accuracy and lead-time*. Di pusat ramalan cuaca, mereka menggunakan beberapa *forecasting tools*, seperti *weather radar* untuk memantau cuaca dan memberikan amaran jika perlu.

Forum Cuaca yang diadakan secara maya itu bertujuan untuk membarigakan lagi amaran dan nasihat cuaca yang dikeluarkan oleh Pusat Ramalan Cuaca dan menggalakkan kerjasama juga usaha kolaboratif di antara pihak berkuasa dan masyarakat awam dalam menangani bencana alam yang boleh berlaku, di negara kita.

Forum Cuaca ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang ramai mengenai Standard Operating Procedure (SOP) yang sedia ada dan akan dijalankan apabila berlakunya bencana alam di sesuatu tempat.

Ahli-ahli panel jemputan pada forum tersebut ialah Pegawai Pengurusan Bencana, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Awangku Muhammad Naaim Syafii bin Pengiran Haji Besman juga salah seorang wakil dari Penyelaras Kesiapsiagaan

Bencana (Disaster Preparedness Coordinator), Awang Mohamad Sufhidin bin Mohamad Sufian.

Hari Kaji cuaca Sedunia diadakan setiap 23 Mac bagi memperingati berkuat kuasanya Konvensyen WMO, pada tahun 1950.

Hari ini juga disambut bagi menghargai sumbangan penting yang diberikan oleh Perkhidmatan Kaji cuaca dan Hidrologi Kebangsaan bagi keselamatan dan kesejahteraan masyarakat, di seluruh dunia.

Setiap tahun, Sambutan Hari Kaji cuaca Sedunia memfokuskan kepada satu tema yang menarik dipilih khusus oleh pihak WMO. 'Amaran Awal dan Tindakan Segera' (Early Warning and Early Action) adalah tema Hari Kaji cuaca Sedunia, pada tahun ini.

Negara Brunei Darussalam selaku Ahli WMO, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi melalui BDMD, mengadakan satu Forum Cuaca, bertajuk 'Amaran Awal dan Tindakan Awal Untuk Daya Tahan Yang Lebih Kuat' sempena memperingati dan menyambut Hari Kaji cuaca Sedunia 2022.

Forum juga diselenggarakan dengan pembarigaan mengenai Monsun Peralihan yang dijangka akan bermula lebih awal dari biasanya.

Turut hadir pada acara tersebut adalah jemputan-jemputan khas, termasuk wakil-wakil daripada kumpulan-kumpulan pengguna khidmat cuaca dan iklim, seperti kumpulan tindakan awal dan keselamatan, kumpulan ekonomi dan industri, syarikat-syarikat pembinaan, syarikat insurans, Perusahaan Kecil dan Sederhana juga pihak media massa.

Mahasiswa UNISSA bantu Sukarelawan Belia



PARA Mahasiswa Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang terlibat dalam membantu Sukarelawan Belia, di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Mac. - Lebih kurang 50 Mahasiswa Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melibatkan diri dalam membantu Sukarelawan Belia, di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan, baru-baru ini.


Ini merupakan inisiatif Bahagian Khidmat Masyarakat, Unit

Kokurikulum, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA.

Penglibatan pelajar UNISSA ini bertujuan untuk membantu pihak kerajaan dalam membendung penularan COVID-19 dalam mempercepatkan lagi proses pengalihan bantuan kepada keluarga yang terlibat. Projek ini juga sebenarnya memberikan

pengalaman berharga kepada mahasiswa, di samping dapat mengeratkan silaturahim sesama belia dan memupuk nilai-nilai positif.

Inisiatif ini akan diteruskan secara mingguan dan berkala, agar sifat tolong-menolong dan sanggup berkorban tertanam dalam jiwa mahasiswa demi kepentingan kehidupan yang lebih berkualiti.



PENYERAHAN KURMA KURNIA PERIBADI KEPADA PPDB

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Mac. - Majlis Penyerahan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) sempena bulan Ramadan Tahun 1443H / 2022M diadakan di Dewan Auditorium, Ibu Pejabat PPDB, Jalan Tungku.

Majlis tersebut disempurnakan oleh tetamu kehormat

majlis, Timbalan Pengarah Jabatan Pentadbiran Am dan Kewangan PPDB, Penolong Pesuruhjaya Polis (ACP) Dato Paduka Haji Awang Mohammad Hassan bin Pehin Penurat Haji Awang Ahmad.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan penyerahan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada Ketua-ketua Jabatan dan

Formasi PPDB untuk diserahkan pengagihannya kepada pegawai dan anggota serta kakitangan PPDB melalui jabatan, formasi dan unit masing-masing.


Turut hadir pada majlis tersebut, Pegawai-pegawai Pemerintah Daerah Polis, Ketua-ketua Formasi serta Pegawai-pegawai Kanan PPDB.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong, APO Staf Sarjan 6472 Mohammad Yusri bin Haji Abu Bakar.



MAJLIS Penyerahan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenaan diadakan di Dewan Auditorium, Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Jalan Tungku.

Cabaran industri pelancongan, hospitaliti semasa COVID-19 diketengahkan



ANTARA yang menyertai forum secara maya BIBD SME360 SERIES anjuran Bank Islam Brunei Darussalam tersebut.

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Mac. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) mengakhiri forum secara maya yang membincangkan mengenai industri pelancongan dan hospitaliti di

Negara Brunei Darussalam sebagai kesinambungan daripada 10 bahagian BIBD SME360 SERIES.

Acara selama dua hari itu bermula kelmarin dengan sesi perbincangan bertajuk 'Tinjauan Industri Pelancongan & Hospitaliti : COVID-19, Kini dan Masa Depan'.

Sesi pertama pada hari pertama menampilkan ahli panel, termasuk Pemangku Pengarah Kemajuan Pelancongan, Dayang Salinah binti Haji Mohd. Salleh.; Presiden Persatuan Hotel-hotel Brunei (BAH), Awang Mohd. Iswandi bin Maaruf; dan Pengarah Urusan Perkhidmatan Pengurusan Percutian BonAsia, Caroline Ang yang juga merupakan Ahli Ejen Pelancongan Brunei (Travel Agents of Brunei).

Ahli panel bersetuju bahawa industri tersebut merupakan antara sektor yang paling teruk terjejas akibat pandemik COVID-19 dan berdepan pelbagai cabaran, termasuk penurunan jualan akibat kekurangan pengunjung tempatan dan asing.

Bagaimanapun, mereka juga menyatakan bahawa wabak itu juga mewujudkan peluang kepada pemain industri untuk melihat produk khusus dalam norma baharu serta bagaimana pengusaha pelancongan dan hotel boleh memberi nilai tambah kepada produk dan perkhidmatan mereka.

Sesi berikutnya bertajuk 'Menggalakkan Amalan Lestari Dalam Industri Pelancongan' disertai oleh Dr. Gabriel Yong dari Penilaian Kesan Alam Sekitar, Sistem Alam Sekitar & Biomimikri & Projek Pembangunan Ekopelancongan Teraja, Universiti Brunei Darussalam; Pengurus

Pembangunan di The Abode, Doris Suresh dan Pengurus Besar The Abode, Richard Ting; dan Pengasas yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Poni, Thye Sing Wong.

Ahli panel menekankan kepentingan pelancongan mampan, iaitu tentang mewujudkan peluang perjalanan dengan impak minimum dan faedah positif untuk destinasi dan komuniti mereka.

Mereka juga menunjukkan beberapa tanggungjawab pemain industri yang bukan sahaja termasuk melindungi alam sekitar, sumber asli dan hidupan liar, tetapi juga menyediakan faedah sosioekonomi untuk komuniti yang tinggal di destinasi pelancongan.

Sesi akhir pada hari pertama pula membincangkan mengenai tajuk 'Pelancongan Berasaskan Komuniti : Tindakan Tempatan, Impak Global' dengan menyaksikan penyertaan Pengasas Sumbiling Eco Village, Leslie Chiang; dan Pengasas Eco Ponies Garden, Eyon Ukoi.

Para peserta membincangkan tentang bagaimana pelancongan berasaskan komuniti membolehkan pelancong menemui habitat dan hidupan liar tempatan sambil turut meraikan dan menghormati budaya, ritual dan kebijaksanaan tradisional.

Ahli panel menjelaskan dalam mengendalikan aktiviti pelancongan adalah penting bagi pengusaha mewujudkan keharmonian dan menjalin hubungan yang kukuh antara masyarakat dan pengunjung berdasarkan kepada rasa hormat dan sanjungan antara satu sama lain.

Manakala topik pertama pada hari kedua ialah 'Meningkatkan Piawai dalam Industri Pelancongan dan Hospitaliti di Brunei', disertai oleh Pengurus Besar Royal Brunei Culinary, Haji Jeff Haji Hadiman; Pengurus Besar Hotel Radisson, Miriam Wolber; dan Pengurus Hal Ehwal Korporat yang juga Pakar TVET di SEAMEO VOCTECH, Noorhayati Cynthia Abdullah.

Ahli panel berkongsi bagaimana cara untuk sentiasa mendapatkan maklum balas daripada pengunjung dan pelanggan adalah penting dalam mewujudkan penunjuk prestasi utama bagi pengendali dalam meningkatkan produk dan perkhidmatan mereka.

Mereka menambah bahawa dengan maklum balas yang

diterima daripada pelanggan dapat memberikan manfaat kepada syarikat dengan menyediakan data yang boleh membentuk cara perniagaan melayani pelanggan sedia ada dan menarik pelanggan baharu.

Sesi kedua pada hari kedua pula membincangkan tajuk 'Pendigitalan dalam Industri Pelancongan dan Hospitaliti' menampilkan penceramah, seperti Setiausaha Agung Persatuan Pelancongan ASEAN, Nigel Wong; dan Ketua Pegawai Eksekutif Dynamik Technologies Sdn. Bhd., Haslina Taib.

Para panel dalam sesi ini menekankan, bahawa pelancongan digital berada dalam evolusi berterusan bukan sahaja disebabkan oleh kemunculan saluran baharu, tetapi juga disebabkan oleh kemajuan teknologi, seperti telefon pintar, tablet dan wearables.

Sesi akhir memfokuskan kepada 'Gastronomy Tourism: Opportunities in Domestic and International Market' yang disertai oleh Presiden Persatuan F&B Brunei, Haji Nasir Dato Paduka Latif; Penerbit Majalah BIG, Wan Zainal Abidin; dan Pensyarah Hospitaliti dan Penilai Kulineri di Kolej Perniagaan Laksamana, Matthew Beswick.

Sesi tersebut mengulas bahawa peluang adalah banyak untuk sektor makanan dan minuman di Brunei untuk dibangunkan dan ditingkatkan.

Ahli panel juga menekankan bahawa pihak berkepentingan dan pemain industri harus menyedari kepentingan menjadi inovatif dalam produk mereka dan pelancongan makanan menambah kepada kepelbagaian dalam ekonomi tempatan dan menjadi titik rujukan kepada identiti serantau dan imej destinasi.

Semua topik yang dibincangkan adalah selaras dengan usaha BIBD untuk membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) pulih secara mampan berikutan penularan wabak COVID-19 di negara ini.

Orang ramai dialu-alukan untuk menyertai BIBD SME360 SERIES seterusnya yang akan diadakan pada 17 dan 18 Mei 2022, bermula jam 2.30 petang hingga 5.30 petang dengan mendaftar di curiousmind.biz/sme360. Forum seterusnya akan merangkumi pendidikan dan industri bukan berasaskan keuntungan.

Majlis Perpisahan mantan Imam Masjid Pintu Malim



PENYAMPAIAN cenderamata kepada mantan Imam Masjid Pintu Malim, Haji Azrul Alim bin Haji Zaini.

Berita dan Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Pintu Malim

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Mac. - Majlis Perpisahan bagi mantan Imam Masjid Pintu Malim, Haji Azrul Alim bin Haji Zaini diadakan di masjid berkenaan, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid Pintu Malim, Pengarah Haji Kilali bin Haji Abdul Rahman yang juga berkesudian untuk menyampaikan cenderamata kepada Haji Azrul Alim.

Beliau berpindah ke Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Oleh : Azreen Yassin

Ilustrasi : Meja Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

CUACA pada waktu pagi kelihatan lembut dan cerah, Ihsan dan Takir yang sedang menyusun sayur-sayur untuk dijual beserta jualan buah-buahan tempatan di gerai yang dikhususkan bagi para pekebun tempatan. Cuaca yang ceria menambah keceriaan rasa kepada para mereka yang ada di gerai. Ihsan dan Takir adalah dua sahabat akrab dan juga kedua-duanya adalah petani. Umur mereka sebaya di angka 50an.

Selesai mereka menyusun sayur-sayuran dan buah-buahan, mereka berdua pun duduk bersila bersama di atas tikar mengkuang lama, dengan sabar mereka berdua menanti kunjungan pelanggan yang datang untuk berakad jual beli. Sambil mereka menyusur waktu berlalu, mereka berdua duduk sambil memegang tasbih. Sudah menjadi resam kebiasaan mereka pada hari-hari tertentu mereka akan duduk bersama menjual sayur hasil tanaman mereka, dan pada hari-hari tertentu yang lain pula mereka akan berkebudu bercucuk tanam di ladang. Begitulah pekerjaan hidup mereka selama ini.

Ketika waktu melewati setengah hari pagi, kelihatan semakin ramai pengunjung yang muncul untuk membeli sayur dan buah-buahan. Semakin ramai pengunjung yang melintas di depan Takir dan Ihsan. Takir mula bersuara "Bah silakan Tuan-tuan...silakan Puan-puan...datang tah kemari meliat-liat...ada berbagai sayur-sayuran segar bejual di sini...dipersilakan tah abiskita mendakati...baru dan sagar masih ni nyinta...".

Ihsan yang menuangkan air kopi ke dalam cawan untuk sahabatnya itu "Takir...nah...ani ada ku menuangkan kau minuman aing kupi...masih kuat panasnya ni...pebinian antadi pagi membakalkan... dan ani ada jua ku membawa sedikit roti karing untuk dicacap arah kupi ani...supaya semakin lazat rasanya...".

Takir sambil menyambut cawan yang dihulurkan Ihsan kepadanya "Alhamdulillah terima kasih San... lawa bisai cara mu atu...ani yang membuat semangat setiakawan semakin dekat dan akrab di samping kitani bedagang bejual sayur-sayur apa ani...hahaha...alhamdulillah...ahaha...".

Takir yang gembira tertawa tidak semena-mena bersuara yang mengejutkan dengan riak wajahnya yang berubah menjadi serius "Eeeih!!!...".

Ihsan yang terperanjat lucu sambil mengimbangi cawan kopi yang sedang dipegangnya agar tidak tertumpah isinya "Eh...eh?...kenapa Kir...eh? inda cukup banyak barangkali roti karing ku bawa ani? ...besok-besok tah lagi ku membawakan labih banyak untuk mu, usah tah kau ingau hati...insyaAllah cukup ni roti ani untuk kitani bedua makan untuk hari ani...".

Takir yang memandang tajam kepada Ihsan "Ehh!!!... bukan San... anu... aa... balum lama ani...sakit tia rasa parut ku atu...anu...macam kan... aa... aa... eh... ke tandas tah ku dahulu...karang lagi menyambung bekurapak...".

Ihsan yang masih berhati-hati memegangimbangan cawannya "Eeeh...membari kebeliangan fikiran kau ani Kir...ku fikir tah apa antadi...bah agatah dahulu...aku tah sahaja menjagai dahulu dagangan sayur kitani ani...".

Takir sambil meletakkan cawannya ke atas tikar "Bah bah...awu...bah sekajap ah...tunggu tah ulih mu dahulu...inda jua ku kan belama-lama banar ni...".

Takir berlalu pergi dengan lucu dan cepat menuju ke tandas awam, tetapi di pertengahan jalannya Takir menghentikan langkahnya lalu Takir berpatah balik kembali menghampiri Ihsan, rupanya untuk meneguk sedikit air kopi yang disediakan Ihsan kepadanya tadi, Ihsan dengan wajah tercengang melihat keulahan Takir, selepas seteguk dua meminum air kopi lalu Takir pun pergi kembali namun sempat lagi ia memberi senyuman pada Ihsan, terpamer juga lah giginya yang beberapa bilah sudah kurang, Takir berlalu pergi menuju ke tandas dengan lebih cepat dan lucu.

Ihsan yang melihat sahabatnya itu berlalu, bersuara perlahan seorang diri sambil terangguk-angguk kecil "Mmm...bagus Kir... rajiki aing kupi jangan ditulak...bagus...".

Sedang Ihsan asyik memandang kelibat

Takir pergi...lalu Ihsan meletakkan cawan minumannya di atas tikar, tidak semena-mena seorang pelanggan lelaki memberi salam dengan suara yang kuat, lelaki tersebut bernama Awang Kamis, terkejut tupai juga Ihsan hingga terjadi persembahan bunga-bunga silatnya yang sumbang dalam purata 25 peratus.

"Assalaaamualaikuuum...!!!". Dengan suara keras lantang Awang Kamis menegur Ihsan.

Ihsan yang terkejut dengan gerak tangan membuka bunga-bunga silatnya "Subhanallah!!!...bah masuk tah!!...bah.. bah...masuk!!...masuk...!!...masuk jangan takut...".

"Eh...eh?...aa...masuk ke mana tu Tuan?...kediaku ani bukan kan masuk ke arah tempat Tuan.... kediaku ani kan mengunjar kan membali sayur...," kata Awang Kamis.

Ihsan yang terhenti memperlihatkan bunga silatnya yang seperti gaya seorang wira Ultraman. "Eeh.. astaghfirullah... waalaikumsalam Tuan.. aa.. mminta maaf ku nyinta... tekinjat ku antadi atu... anu... aa.. sepenuh semangat bah kita membari salam atu...".

Awang Kamis yang memegang dengan erat bakul sayurnya ke dadanya disebabkan melihat Ihsan yang membuka bunga silatnya belum lama ini "Mohon maaf ku jua nyinta... inda semana-mana semasa kediaku membari salam kepada kita atu... kelabihan tenaga suara tah ku jua... bukan apa... di malam sebelum balik dari jamputan dangsanak bekawinan... ada acara belawan bekaraoke... iatah... semangat bekaras suara yang dari di malam bagas bekaraoke atu masih ada tinggal sedikit sisa-sisanya... memohon maaf ku lagi sekali nyinta ah, amba indada bemaksud inda bisai mahu pun besengaja...".

Ihsan kelihatan kembali tenang dan memberi senyuman manisnya "Aaah... indada kenapa Tuan... bah sila tah memilih-milih sayuran yang ada ani... aa.. anu Tuan... anu sayuran sagar-sagar ganya ni di sini ani... amba.. sama sahabat amba sendiri yang becucuk tanam mengabuni.. persilakan tah Tuan meliat-liat...membali yang mana kedikita tepakai...".

Awang Kamis sambil menurunkan dapan bakul sayurnya "Atu tah yang sebisainya tu nah...sayur-sayuran dari kabun tempatan...menjadi produk pilihan sesama kitani jua...dan ianya pasti asli sihat dan sudah pasti ianya sagaaaa...".

"Aa... awu banar tu nyinta... aa.. dan anu jua Tuan... aaa... labih muraaaah...," balas Ihsan.

Awang Kamis tidak mahu kalah berkata "Dan satu lagi nyinta... ani yang paling penting ni dari segala-galanya... aa... labih selamaaaaa...".

Ihsan masih tidak mahu kalah berkata juga "Sama anu jua Tuan... labih berkhasiaaaa...".

Awang Kamis dengan wajah semakin geram lucu memandang Ihsan, Awang Kamis kelihatan tidak mahu kalah dalam berkata "Dan inda lupa jua satu ani lagi... aaah... ani yang paling penting sebuting ani... labih barkaaaaat... dan jua aman serta sentosaaaaa...".

Ihsan yang sedikit ternganga mulutnya "Labih dua kata tu Tuan kita menyabut atu...".

"Tapi lurus banar tu bicara kita atu... aa.. ani Tuan... aa... sayur kacang panjang ani...baru ni beambil kelamarin behari...membali tah nyinta... baik ni untuk kesihatan tubuh badan...".

Awang Kamis yang kelihatan bergaya dengan baju batik bercorak bunga berwarna kuning muda, memegang bakul sayur kecilnya yang berwarna kuning muda juga, dipegangnya dengan gaya tangan sedikit melentik "Mmm... sagar-sagar banar kelihatannya sayuran kita bejual ani... iskiii hatingku meliat-lihat... hijaunya pun bisai warnanya atu... sajuk sama sukahati mata amba ani melihatnya... kelihatannya jua sayur dan buah kita kabuni ani memang berkualiti terbaik...".

Ihsan yang berasa gembira hatinya dari mendengar kata-kata dari Awang Kamis menjadikannya bersemangat sambil tangannya semakin rajin memperbisaikan letak susunan sayur-sayuran jualan yang sememangnya sudah pun tersusun baik,



Ihsan penjual sayur

maklumlah selepas mendengar pujian dari Awang Kamis membuatkan hatinya mengembang rasa suka hati dan gembira sekali.

"Alhamdulillah...erm...ehem... aa.. tarima kasih...aaa...banar tu Tuan...". Kedengaran dehemam lembut Ihsan mendayu.

"Bah...jual ku anu sayur yang atu... sama yang ani... bisai ni kalau digulai untuk makan malam karang di rumah... tarung ani pun bisai jua ni digulai sadang-sadang padas... bah jual tah ku jua buah tarung ani seplastik...," kata Awang Kamis.

"Bah baik Tuan... sekajap ah... kediaku memasukkan arah kantung plastik ani untuk kita... kita mahu plastik berwarna mirah lala ani kah? atau kantung plastik berwarna biru awan langit ani Tuan?" balas Ihsan.

"Bah mana tah saja...kedua-duanya pun lawa bisai jua warnanya...," ujar Awang Kamis.

Tetapi Ihsan membungkus dengan plastik berwarna kuning muda, nasib baik Awang Kamis tidak perasan.

Ihsan memberi baki duit dengan hormat kepada Awang Kamis "Silakan Tuan baki usinnya... terima kasih... aa... buah labu ani Tuan mahu membali? Sahabat amba yang mengabuni... baru kelamarin behari beambil dari kabunya...".

"Bagus ni banar buah labu ani mun digulai... ganya insyaAllah lain kali ada rajiki kediaku membali lagi dari kita... bah berinut ku dahulu nyinta ah... bah... assalamualaikum...".

Awang Kamis pun berlalu pergi...

Tidak berapa lama kemudian, sahabatnya Takir muncul "Minta maaf ku San...mengambil masa lama sedikit barangkali urusan ku atu...".

"Eh...inda kenapa Kir...alhamdulillah... belurih jua sudah sedikit sebanyak sayuran kitani ani dibali pengunjung...".

Takir pun lalu duduk bersila di samping Ihsan. Mereka sambil memerhatikan para pengunjung yang kuai lintas. Mereka berdua dengan ramah senyuman memandang para pengunjung yang datang. Layanan baik dan ramah mesra mereka berdua sangat disenangi pengunjung.

Waktu berlalu tidak terasa, Sang Suria mula mencondong di hujung pandangan, penjual-penjual dan penjaja yang ada semakin berkurangan, pulang dengan membawa hasil yang berbeza-beza. Ada yang pulang dengan rasa gembira dan tidak kurang juga yang pulang dengan rasa hampa. Aturan Tuhan sudah pun tertulis dengan sempurna, tinggal saja lagi manusia untuk memahami kesempurnaan yang indah tersebut.

"Kir... kan patang malam sudah hari atu... sekajap lagi berinut tah kitani... jelama pun surut bekurang jua sudah...," kata Ihsan.

Takir sambil berhenti bertasbih "Awu banar jua kurapak mu atu San... bah bepanyap tah kitani dahulu... bisuk-bisuk lagi kitani menyambung bejual sayur-sayuran ani... bah sekajap ah...kediaku mengira berapa ulih keuntungan kitani hari ani...".

"Bah mengira tah kau dahulu...aku memanyap dulu nindah apa ani...," kata

Ihsan. Ihsan mengemaskan barang jualan mereka, menyimpan dengan baik.

"Bah bejalan tah kitani Kir... siap selesai sudah ku memanyap...," pelawa Ihsan kepada Takir.

Takir sambil memegang wang keuntungan hasil jualan "San... alhamdulillah... hari ani... walau pun keuntungan kitani inda seberapa banyak... tapi bersyukur tah kitani jua... belurih jua BND30 hasil jualan sayur kitani... bah bebahagi dua kitani ni ah macam biasa... ani bahagian mu BND15... aku pun sama jua BND15... sama rata jumlah usin pembahagian kitani... mudahan bisuk belurih banyak lagi hasil jualan kitani... alhamdulillah syukur...".

Takir mencium-cium duit dipegangnya dengan rasa kesyukuran lalu memberi bahagian hasil duit jualan kepada Ihsan, Ihsan yang melihat sahabatnya itu sedemikian pun turut mencium-cium duit tersebut "Alhamdulillah syukur... awu mudahan bisuk-bisuk belurih lagi kitani bejual sayur-sayuran ani...".

"Bah bejalan tah kitani...berinut tah kitani balik ke rumah...," Takir sambil membawa bakul kepunyaannya.

Ihsan dan Takir pun pulang dengan mengayuh basikalnya buruk mereka, di pertengahan jalan Ihsan bersuara pada Takir "Kir...agatah kau pulang dahulu...aa...kediaku ada sedikit urusan...".

"Bah kalau macam miatu...pulang tah ku dahulu, bah bisuk macam biasa San ah awal pagi atu bebaya kitani bejalan ke gerai sayur...," ujar Takir.

"Bah insyaAllah...bah behati-hati pulang atu Kir...assalamualaikum...," pesan Ihsan kepada Takir.

"Walaikumussalam...," balas Takir.

Ihsan meletakkan basikalnya di depan kedai runcit, lalu masuk hendak membeli barangan makanan keperluan keluarganya. Selesai membeli, Ihsan kembali mengayuh basikalnya untuk pulang ke rumahnya.

Dalam perjalanan yang mengambil masa 30 minit untuk tiba ke rumahnya, tidak putus-putus Ihsan bersyukur ke hadirat Tuhan. Ihsan tahu tiada satu perkara apa pun yang terjadi pada setiap masa yang dilaluinya tanpa bantuan dan izin Tuhan. Ihsan faham benar kehidupan yang ada ini sewajarnya dilalui dengan penuh kesyukuran dan keredaan hati yang tidak berbelah bahagi. Hatta ia seorang petani, namun Tuhan telah pun memberi terlalu banyak kelebihan dan kurniaan kepadanya... iaitu... perjalanan kehidupan yang bahagia di samping keluarga dan sahabat yang menyayangi dirinya.

Sesungguhnya kebahagiaan adalah anugerah tertinggi dalam mana-mana kehidupan. Hatta dalam kehidupannya ini kelihatannya hanya biasa bagaikan tiada apa-apa di mata manusia yang lain, tapi Ihsan benar-benar tahu bahawa... tidak ada walau sekecil-kecil keadaan... hatta sehelai daun yang akan jatuh ke tanah pun tidak akan terlepas dari ilmu pengetahuan Tuhan yang Maha Menyayangi.



Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
 Foto : Jabatan Penerangan
 Infografik : Meja Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

EARTH Hour merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Tabung Alam Sedunia WWF (World Wide Fund for Nature) yang disambut setiap tahun pada Sabtu terakhir, bulan Mac. Program Earth Hour adalah aktiviti kempen yang dijalankan secara global untuk membangkitkan kesedaran orang ramai terhadap perubahan iklim dan salah satu usaha kita untuk menghargai bumi. Pada tahun ini, Earth Hour disambut hari ini, pada jam 8.30 malam, waktu tempatan. Tema Earth Hour 2022 akan memberi tumpuan pada 'Bentuk Masa Depan Kita' (Shape Our Future).

Kempen Earth Hour mula dianjurkan oleh WWF pada tahun 2007 di bandar Sydney, Australia bagi menarik perhatian dunia akan kepentingan alam sekitar. Lazimnya, tujuan kempen ini dijalankan adalah untuk mengajak seluruh masyarakat bersama-sama mengambil berat dalam usaha mengurangi pelepasan karbon dioksida sebagai pencetus kepada pemanasan global dan perubahan iklim yang telah memberi kesan kepada alam sekitar.

Dalam usaha kita menyokong aktiviti kempen ini, ia akan diraikan dengan mematikan semua lampu dan menjimatkan penggunaan elektrik dan meninggalkan

seluruh permukaan bumi dalam kegelapan selama lebih kurang satu jam.

Erti logo Earth Hour

Pada masa ini Earth Hour menggunakan logo nombor 60+. Sebelum ini, logo tersebut hanya bernombor 60 bermakna 60 minit untuk menyertai program tersebut. Manakala, tanda tambahan (+) pula adalah tanda tambah di sebalik angka 60. Ini bermakna tujuan dan faedah Earth Hour diadakan adalah untuk menggalakkan orang ramai mengambil tindakan selanjutnya selepas menutup lampu selama satu jam. Program Earth Hour diharap tidak hanya berhenti satu jam itu sahaja, malah dapat diteruskan pada masa akan datang dan ia dapat dijadikan sebagai gaya hidup yang mesra alam sekitar.

Simbolik mematikan lampu ini dianggap sebagai kaedah yang paling berkesan dan mudah untuk dibuat bagi menunjukkan tanda sokongan kita terhadap kepentingan kempen ini. Di sebalik mematikan lampu, mungkin ramai yang tidak menyedari akan manfaat yang dapat kita ambil. Antaranya ialah dengan mematikan elektrik rumah kita selama satu jam, dapat membantu dalam penjimatan kos elektrik yang kita pakai.

Ini juga dapat memberi kesedaran kepada manusia untuk maju ke hadapan, seperti menggunakan tenaga hijau dari sumber, seperti tenaga angin, tenaga matahari atau tenaga nuklear dan tidak selamanya bergantung kepada pembakaran bahan fosil, seperti batu arang, minyak dan gas kerana bahan-bahan ini akan berkurangan dan habis. Dengan pembakaran bahan fosil ini akan memberi kesan yang mempercepatkan lagi pemanasan global dan membuatkan bumi kita terancam dari pencemaran.

Mengekalkan dan memelihara alam sekitar di sekeliling kita adalah tugas yang perlu dilakukan oleh manusia di seluruh dunia. Persekitaran mesti dikekalkan dan dipelihara agar menjadi lebih baik. Memelihara dan mengekalkan alam sekitar boleh bermula daripada diri kita sendiri.

Pelbagai isu mengenai alam sekitar, baru-baru ini muncul di pelbagai negara, termasuk di Negara Brunei Darussalam (NBD). Pemanasan global adalah salah satu contoh isu mengenai isu-isu alam sekitar yang juga sering menjadi topik perbincangan di seluruh dunia. Penyebab pemanasan global ini adalah penggunaan bahan bakar fosil, pembakaran secara haram, pencemaran dan sebagainya.

Tahun lalu, telah berlaku beberapa insiden bencana yang berlaku termasuk peristiwa cuaca melampau, kebakaran hutan yang dasyat, banjir besar dan pandemik

COVID-19. Ini mengingatkan kita, bahawa mencegah kehilangan sumber alam sangat penting untuk melindungi masa depan kita.

Dengan adanya Program Earth Hour ini dapat menginspirasi orang ramai untuk peduli juga mengambil tindakan terhadap bumi dari ancaman perubahan iklim. Tidak hanya dengan gerakan mematikan lampu, pengguna media sosial juga akan mendedikasikan akaun mereka untuk meningkatkan kesedaran akan perubahan iklim.

Maklumat-maklumat yang boleh kita baca dari laman sesawang rasmi WWF juga banyak mengingatkan kita bahawa manusia yang hidup saat ini adalah generasi pertama yang mengalami dampak perubahan iklim dan juga terakhir dapat mengubahnya. Earth Hour penting dilakukan kerana ia merupakan pengambilan langkah menuju ke arah perubahan yang lebih baik. Earth Hour adalah inisiatif luar biasa dan akan berjalan selama bertahun-tahun mendatang dan sehingga kini memberi kesedaran kepada ramai pihak tidak mengira latar belakang tentang pentingnya menjaga dan memelihara alam ini.

NBD turut tidak ketinggalan dalam sama-sama meraikan dan memberi sokongan pada inisiatif besar itu. Beberapa premis makanan, rumah persendirian dan pejabat-pejabat juga menjalankan aktiviti mematikan lampu selama satu jam sebagai tanda sokongan mereka terhadap kempen ini. Dengan itu, marilah kita sama-sama menyokong kempen ini dengan mematikan lampu selama satu jam.



SEBAHAGIAN JALAN TERJEJAS AKIBAT POKOK TUMBANG



KEJADIAN pokok tumbang yang menghalangi sebahagian jalan raya, di kawasan Jalan Tarap Bau, Kampung Setia 'B'.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Mac. - Seramai empat anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) dari Balai Bomba Sungai Kebun, diketuai oleh ABK 579 Yusof Bin Haji Ahmad menerima panggilan pokok tumbang, di kawasan Jalan Tarap Bau, Kampung Setia 'B', baru-baru ini.

Apabila tiba di tempat kejadian, didapati seponon pokok kulimpapa, berukuran lebih kurang panjang 10 meter dan garis pusat, berukuran lebih kurang 11 sentimeter tumbang dan menghalangi sebahagian jalan raya.

Anggota bomba segera bertindak memotong pokok tersebut menggunakan *chain saw* dan tiada kecederaan juga kemalangan jiwa berlaku semasa kejadian.

JBP menyarankan untuk mengelakkan menanam pokok terlalu dekat dengan rumah dan amalkan penjarakan bagi penanaman pokok-pokok tersebut.

Pokok merupakan elemen yang

penting bagi manusia dan haiwan, akan tetapi ia juga boleh mendatangkan kemudaratan juga risiko pada sekeliling, seperti pokok tumbang boleh merebahi rumah semasa cuaca tidak menentu.

Pokok-pokok yang ditanam mestilah sentiasa dijaga dan diawasi juga dipotong (*trimming*) sebelum keadaan tidak terkawal.

Jangan meletakkan kereta awda berdekatan dengan pokok-pokok besar ditakuti perkara yang tidak diingini akan berlaku.

JBP juga menyediakan program-program keselamatan, seperti Kursus Fire Marshal, Life Saver 995 dan Taklimat Keselamatan Kebakaran bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan juga mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan Alat Pemadam Api.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, hubungi Talian Kecemasan JBP 995 dan memberikan maklumat tepat.

Seekor buaya berjaya ditangkap

TUTONG, Rabu, 23 Mac. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) menerima panggilan mengenai insiden gangguan binatang liar, iaitu seekor buaya, yang berlaku di Kampung Jalan Danau, Tutong, baru-baru ini.

Seramai enam anggota bomba, diketuai ASO Haji Kamaruzzaman dari Balai Bomba Bukit Beruang dikerahkan ke insiden tersebut.

Tiba di tempat kejadian, didapati seekor buaya, berukuran lebih kurang 3 meter berada di tepi kolam ikan tersebut.

Reptilia tersebut berjaya ditangkap dengan menggunakan *snare catcher*, seterusnya diserahkan ke Bahagian Hidupan Liar, Kementerian Sumber-Sumber

Utama dan Pelancongan bagi tindakan selanjutnya. Tidak ada kemalangan jiwa berlaku.

JBP ingin menyarankan orang ramai untuk sentiasa memastikan persekitaran kawasan dalam keadaan bersih dan teratur (*housekeeping*) dan memastikan pintu rumah juga jendela dalam keadaan tertutup jika awda tidak berada di rumah bagi mengelakkan binatang-binatang liar, seperti anjing liar, ular, buaya dan monyet memasuki rumah awda.

Selain itu, memastikan keselamatan penduduk yang tinggal berdekatan agar lebih berhati-hati bagi mengelakkan berlakunya kejadian yang tidak diingini berlaku.

INSIDEN gangguan seekor buaya yang berlaku di Kampung Jalan Danau, Tutong.

JBP juga menyediakan program-program keselamatan, seperti Kursus Fire Marshal, Life Saver 995 dan Taklimat Keselamatan Kebakaran bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan juga mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan Alat Pemadam Api.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, hubungi Talian Kecemasan Bomba JBP 995 dan memberikan maklumat tepat.



Penutupan sementara separuh jalan



PENUTUPAN sementara separuh jalan di beberapa lokasi di sepanjang Jalan Utama Mentiri mulai Jumaat, 25 Mac 2022 jam 7.00 pagi hingga Isnin, 11 April 2022, tertakluk kepada cuaca.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Mac. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai, terutamanya pengguna-pengguna jalan raya mengenai penutupan sementara separuh jalan, di beberapa lokasi di sepanjang Jalan Utama Mentiri, mulai Jumaat, 25 Mac 2022, jam 7.00 pagi hingga


Isnin, 11 April 2022, tertakluk pada cuaca.

Penutupan sementara separuh jalan berkenaan adalah bagi membolehkan kerja-kerja pembaikan jalan di jalan berkenaan dapat dilaksanakan.

Sehubungan itu, pihak JKR ingin mengingatkan kepada pengguna-pengguna jalan raya untuk sentiasa berhati-hati apabila

melalui kawasan tersebut, di samping mematuhi tanda-tanda lalu lintas dan mematuhi had laju yang dibenarkan demi mengelakkan pelbagai perkara yang tidak diingini.

Sebarang aduan, orang ramai boleh menghubungi pihak JKR melalui Talian Darussalam (TD) 123 atau Livechat TD 123, +673 8333123 atau e-mel ke pro@pwd.gov.bn.



PENGORBANAN SEMASA PENGAJIAN BUAHKAN HASIL



PENERIMA Anugerah Pelajar Terbaik, Graduan HNTec in Geomatics, Dayang Nur Huwaida Rafi'ah binti Awang Hamdani (kiri) dan penerima Anugerah Khas Pelajar, Graduan IBTE School of Energy and Engineering Satellite, Dayang Noor Zuriah binti Mohammad Rapi (kanan) ketika ditemu bual.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Mac. - Para penerima Anugerah Pelajar Terbaik dan Anugerah Khas Pelajar, pada Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) kali ini, melahirkan rasa syukur dan perasaan gembira atas penganugerahan yang mereka peroleh.

Majlis Konvokesyen IBTE bagi hari kedua, sesi pagi, berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Dalam temu bual Pelita Brunei

bersama penerima Anugerah Pelajar Terbaik, Graduan HNTec in Geomatics, Dayang Nur Huwaida Rafi'ah binti Awang Hamdani, berasa bangga dan bertuah kerana usaha yang dilakukan selama dua tahun sangat berbaloi.

"Dengan adanya pertolongan, pengajaran dan dorongan daripada guru-guru, saya dapat memahami erti usaha juga pengorbanan masa, demi masa depan.

"Perancangan seterusnya untuk masa depan adalah jika ada rezeki, saya ingin melanjutkan

pelajaran ke peringkat seterusnya ataupun mencari pekerjaan terlebih dahulu yang bersesuaian dengan kelulusan yang saya ada sekarang," ujarnya.

Di kesempatan ini juga, beliau ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga, selain guru-guru dan kawan-kawan seperjuangan kerana banyak membantu dan memberi sokongan juga berkorban masa untuk berkongsi ilmu, belajar bersama hingga berjaya, pada hari ini.

Sementara itu, Anugerah Khas Pelajar diberikan kepada Graduan IBTE School of Energy and Engineering Satellite, Dayang Noor Zuriah binti Mohammad Rapi.


Beliau melahirkan rasa syukur dan terharu kerana tidak menyangka akan terpilih sebagai penerima anugerah tersebut.

Menyentuh mengenai perancangan pada masa akan datang, beliau memang menaruh harapan untuk melanjutkan lagi pengajian di Politeknik Brunei sekiranya ada peluang dan rezeki.

"Saya amat bersyukur dan berterima kasih, terutama sekali kedua kepada ibu bapa saya yang sentiasa menyokong.

"Terima kasih juga buat guru-guru dan tenaga pengajar yang bertungkus-lumus mengajar selama ini sehingga saya mendapat kejayaan pada hari ini," tambahnya.

Peluang gandakan pahala melalui program berkeabajikan



MAJLIS Khatam Al-Quran bagi Ahli Tadarus Subuh Masjid Kampung Sungai Besar yang diadakan baru-baru ini.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ihsan Masjid Kampung Sungai Besar

KAMPUNG SUNGAI BESAR, Rabu, 23 Mac. - Takmir Masjid dan Majlis Perundingan Kampung Sungai Besar kini membuka penyertaan kepada para jemaah masjid dan orang ramai, khususnya Penduduk Kampung Sungai Besar untuk sama-sama beramal jariah, dengan menghulurkan sedekah juga derma bagi membantu anak-anak yatim dan keluarga yang memerlukan.

Setiausaha Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid (AJKTM) Kampung Sungai Besar, Haji Awang Zaini bin


Haji Awang Damit berkata, derma bantuan berkenaan akan diserahkan kepada penerima, pada Majlis Tahliil Doa Arwah Sekampung, yang dijadualkan berlangsung pada penghujung bulan ini.

Para jemaah juga orang ramai yang berhajat untuk sama-sama menayakan program berkenaan, boleh mendapatkan borang dan menghantar kembali kepada Imam Masjid Kampung Sungai Besar, sebelum 30 Mac ini.

"Para jemaah dan orang ramai yang berhajat untuk sama-sama meraih pahala yang berganda adalah sangat dialu-alukan, sekaligus sama-sama menayakan program yang sangat berkeabajikan ini," jelasnya ketika ditemui, pada Majlis Khatam Al-Quran bagi Ahli Tadarus Subuh Masjid Kampung Sungai Besar, baru-baru ini.

Majlis Khatam Al-Quran tersebut adalah sebagai tanda kesyukuran selepas berakhirnya pembacaan 30 juzuk Al-Quran, yang disertai oleh Penasihat AJKTM Kampung Sungai Besar, Awang Haji Mohiddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Protokol 4: Dikenal pasti sebagai kontak terdekat kepada kes positif COVID-19 (dikemaskini 5 Mac 2022)



Perkhidmatan Kaunter JPP Seria ditutup sementara

Siaran Akhbar : Jabatan Perkhidmatan Pos

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Mac. - Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi ingin memaklumkan kepada orang ramai, bahawa Perkhidmatan Kaunter JPP Seria adalah ditutup sementara, bermula 21 Mac 2022 hingga suatu tarikh, yang akan dimaklumkan kemudian.

Sementara itu, orang ramai adalah disarankan untuk berkunjung ke cawangan-cawangan berdekatan, bagi mendapatkan Perkhidmatan Kaunter Pos.

JPP ingin mengucapkan terima kasih kepada para pelanggan atas sokongan dan kesabaran awda pada masa ini.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan (CSC) menerusi talian +673 2380481 atau +673 8711002 (WhatsApp) atau e-mel cscpost@post.gov.bn.

Jabatan ini ingin memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dihadapi.

Adakah saya perlu mendapatkan ujian swab setelah saya sembuh dari jangkitan COVID-19?

Awda tidak perlu menjalani ujian swab selepas awda pulih dari jangkitan COVID-19 dan selesai menjalani pengasingan diri.



DUNIA DISERU BENTUK SINERGI ATASI PENYAKIT TIBI

BEIJING, 25 Mac. - Kerajaan China memberikan tumpuan utama terhadap usaha pencegahan dan rawatan penyakit tibi (TB) atau batuk kering dengan menyenaraikannya dalam Inisiatif China Sihat, di samping memperuntukkan dana khas serta menyediakan perkhidmatan pemeriksaan dan ubat-ubatan secara percuma.

Demikian kata isteri Presiden Xi

Jinping, Peng Liyuan ketika berucap dalam persidangan maya Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sempena Hari TB Sedunia, pada Khamis.

Beliau yang juga Duta Muhibah WHO untuk TB dan HIV/AIDS turut memaklumkan kadar sembuh untuk penyakit itu di China kekal melebihi 90 peratus.

Menurut Peng, terdapat lebih sejuta sukarelawan di China yang

berbakti untuk menyebarkan ilmu tentang TB selain menghulurkan bantuan kepada para pesakit.

Beliau turut berpandangan bahawa walaupun banyak kejayaan dikecapi dalam usaha memerangi TB, namun penyakit itu masih menjadi masalah global yang menjadi antara ancaman utama kepada kesihatan awam.

Justeru, Peng berkata elemen

keyakinan, kasih sayang dan ketabahan adalah perlu bagi merungkai cabaran baharu.

Beliau berharap pelbagai negara dapat berkongsi pengalaman dalam pencegahan dan rawatan TB, di samping menjalankan kerjasama yang efektif.

"Marilah kita berganding bahu dan aktif bertindak bagi memastikan matlamat kesihatan dalam Agenda Pembangunan



Mampan 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tercapai, dan bersama-sama membentuk komuniti kesihatan sesama insan," katanya.
- ©BERNAMA

Pertumbuhan ekonomi global 2022 diunjur 2.6 peratus : Agensi PBB

GENEVA, 25 Mac. - Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCTAD) menurunkan unjuran pertumbuhan ekonomi global 2022 kepada 2.6 peratus berbanding 3.6 peratus.

Penurunan unjuran itu disebabkan konflik Ukraine-Rusia serta perubahan dasar makroekonomi sejak beberapa bulan kebelakangan ini, lapor Xinhua.

Rusia dijangka mengalami "kemelesetan teruk" pada 2022, manakala sebahagian Eropah Barat serta Asia Tengah, Asia

Selatan dan Asia Tenggara bakal menyaksikan "kelembapan pertumbuhan," memetik laporan terkini Perdagangan dan Pembangunan agensi itu pada Khamis.

Konflik berterusan di Ukraine berkemungkinan mengukuhkan aliran pengetatan monetari di negara maju berikutan langkah serupa turut berlaku pada 2021 di beberapa negara membangun akibat tekanan inflasi, dengan pemotongan bajet juga dijangka berlaku dalam belanjawan akan datang.

Permintaan global semakin

kurang, penyelarasan dasar tidak saksama di peringkat antarabangsa dan kadar hutang tinggi akibat wabak turut menjana masalah kewangan yang boleh mendorong beberapa negara membangun terjerumus ke dalam lingkaran insolvensi, kemelesetan dan merencat pembangunan.

Konflik mengakibatkan "kelembapan ekonomi global yang berterusan dan melemahkan proses pemulihan daripada pandemik COVID-19," kata Setiausaha Agung UNCTAD Rebeca Grynspan.

Kenaikan harga makanan dan

bahan api akan memberi kesan serta-merta kepada golongan paling rentan di negara membangun.

"Negara membangun yang bergantung kepada import makanan dan bahan api lebih mudah dipengaruhi kenaikan harga barang serta mengancam mata pencarian, merencatkan pelaburan dan meningkatkan defisit perdagangan," menurut

laporan itu.

Ketidakpastian akibat konflik termasuk persekitaran aliran modal yang tidak menentu, ketidakstabilan kadar pertukaran wang dan peningkatan kos pinjaman, terutamanya bagi negara membangun kurang maju dan berpendapatan sederhana, berdepan risiko kesukaran melunaskan hutang negara.
- ©BERNAMA

Indonesia longgarkan sekatan COVID-19 sebagai persediaan menyambut Ramadan

JAKARTA, 24 Mac. - Memandangkan bulan Ramadan semakin hampir dan bilangan kes harian COVID-19 yang disahkan di Indonesia terus menurun, Indonesia mengumumkan menarik balik sekatan ke atas solat terawih dan keupulangan rakyatnya ke kampung halaman masing-masing untuk menyambut Hari Raya.

Masjid dibenarkan mengadakan solat terawih berjemaah pada bulan Ramadan dan individu lengkap divaksin dengan dos

penggalak boleh pulang ke kampung halaman mereka untuk Hari Raya, kata Presiden Joko Widodo dalam satu kenyataan.

Bagaimanapun, Joko Widodo melarang pegawai dan penjawat awam daripada mengadakan majlis terbuka puasa dan rumah terbuka Hari Raya.

Meskipun sekatan dilonggarkan semasa bulan suci itu, presiden mengingatkan orang ramai supaya mematuhi protokol kesihatan.

Pelonggaran sekatan untuk

penduduk tempatan dibuat selepas Indonesia pada Selasa mengumumkan pelancong antarabangsa akan dibenarkan memasuki negara itu tanpa perlu dikuarantin, namun masih perlu menunjukkan ujian negatif COVID-19 semasa ketibaan.

Negara itu mencatatkan 6,376 kes baharu COVID-19 pada Rabu, turun daripada 7,464 kes Selasa, menjadikan jumlah kes yang disahkan kepada 5,974,646.
- ©BERNAMA

PM Lee : Singapura longgarkan peraturan perjalanan rentas sempadan

SINGAPURA, 24 Mac. - Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong hari ini berkata republik itu akan akan melonggarkan peraturan perjalanan rentas sempadan memandangkan keadaan Omicron kini terkawal.

"Sebelum ini, kita berhati-hati kerana belum pasti mengenai kesan Omicron. Hampir semua kes kita adalah domestik, yang berpunca daripada komuniti," kata Lee dalam kemas kini mengenai situasi COVID-19 republik itu yang disiarkan secara langsung di sini.

Lee berkata kes jangkitan melibatkan ketibaan dari luar negara hanya menyumbang sebahagian kecil daripada kes.

"Kita boleh membuka sempadan dengan selamat dan akan memperkemas secara drastik keperluan ujian dan kuarantin untuk pengembara," katanya.

Lee berkata Rangka Kerja Perjalanan Vaksin yang dipermudahkan akan membolehkan rakyat Singapura melancong ke luar negara dengan lebih mudah - hampir seperti sebelum COVID-19 - dan ia juga akan menarik balik kebanyakan

sekatan untuk pelawat lengkap divaksin yang memasuki Singapura.

"Ini akan menghubungkan semula Singapura dengan dunia. Ia akan merangsang perniagaan, khususnya sektor pelancongan dan membantu Singapura mengembalikannya sebagai kedudukannya sebagai hab perniagaan dan penerbangan," tambahnya.

Di peringkat negara, perdana menteri juga mengumumkan republik itu akan membuat beberapa perubahan kepada Langkah Pengurusan Selamat (SMM) yang akan berkuat kuasa Selasa depan (29 Mac).

Antaranya pilihan untuk memakai pelitup muka di kawasan terbuka kerana risiko penularan luar adalah jauh lebih rendah, namun penggunaannya diwajibkan di dalam bangunan.

Beliau berkata republik itu juga akan membenarkan sehingga 75 peratus pekerja yang boleh bekerja dari rumah kembali ke tempat kerja, dan meningkatkan had kapasiti untuk acara dan perhimpunan yang lebih besar - iaitu 75 peratus untuk kapasiti 1,000 orang.

Sehingga 23 Mac 2022, Singapura mencatatkan 1,044,661 kes COVID-19 sejak wabak itu dikesan dengan 1,220 kematian.

Negara pulau itu yang melaporkan kes COVID-19 pertamanya pada Januari 2020 mencatatkan kes baharu COVID-19 harian tertinggi iaitu 26,032 pada 22 Feb 2022.

Sehingga 22 Mac 2022, kira-kira 95 peratus penduduk yang layak telah melengkapkan vaksinasi dan 71 peratus daripada jumlah penduduk sudahpun menerima suntikan penggalak.

Sejurus selepas bersiaran langsung, Lee berkata beliau menghubungi rakan sejawatannya dari Malaysia Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob melalui telefon.

"Memandangkan kedua-dua pihak mencapai kemajuan yang baik dalam menguruskan pandemik itu, kami bersetuju untuk membuka semula sempadan darat dan udara," katanya di laman Facebooknya.

"Langkah utama ke arah hidup dengan COVID-19 ini akan membantu kedua-dua negara bangkit lebih kuat selepas krisis," tulisnya lagi. - ©BERNAMA

Arab Saudi mansuh semua sekatan COVID-19

RIYADH, 23 Mac. - Kementerian Kesihatan Arab Saudi mengumumkan pemansuhan semua sekatan COVID-19, termasuk kuarantin wajib bagi semua pengunjung ke negara itu.

Menerusi catatan di akaun Twitter rasminya pada Isnin, sekatan yang dimansuhkan termasuk penyerahan sijil vaksinasi COVID-19 dan ujian PCR, sebelum atau semasa ketibaan di Arab Saudi.

Langkah itu diambil susulan penurunan kes dan kadar vaksinasi mencapai 99 peratus untuk semua penduduk berumur 12 tahun ke atas. - ©BERNAMA

Vietnam Airlines gantung penerbangan ke Rusia mulai 25 Mac

HANOI, 23 Mac. - Vietnam Airlines mengumumkan akan menggantung sementara penerbangan bagi laluan Hanoi-Moscow mulai Jumaat ini bagi menyemak prosedur, keperluan dan peraturan berkaitan insurans pesawat dan operasi penerbangan ke Rusia.

Wakil syarikat penerbangan itu berkata pihaknya akan menawarkan bayaran balik percuma kepada penumpang yang sudah membeli tiket, atau menukar ke penerbangan lain apabila laluan itu disambung semula.

"Penggantungan itu akan berkuat kuasa sehingga diberitahu kelak. Syarikat penerbangan mengesyorkan penumpang sentiasa mengikuti maklumat terkini," lapor Agensi Berita Vietnam.

Pada masa ini, Vietnam Airlines syarikat penerbangan tunggal yang mengendalikan laluan tetap ke Rusia dan akan bekerjasama dengan agensi berkaitan untuk memastikan perkhidmatan itu dapat disambung semula secepat mungkin.

Penumpang boleh mendapatkan maklumat lanjut melalui laman sesawang Vietnam Airlines di www.vietnaairlines.com, aplikasi mudah alih, di www.facebook.com/VietnamAirlines, pusat panggilan di 19001100 atau pejabat tiket dan ejen di seluruh negara. - ©BERNAMA

Gempa bumi sederhana di Taiwan - MetMalaysia

KUALA LUMPUR, 23 Mac. - Satu gempa bumi sederhana berukuran 5.5 pada skala Richter berlaku di Taiwan pada 4.30 pagi tadi.

Menurut kenyataan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) gempa dengan kedalaman 47 kilometer (km) itu berlaku pada jarak 90km timur dari Chiayi, Taiwan.

Bagaimanapun, berdasarkan penilaian awal, gempa berkenaan tidak membawa ancaman tsunami kepada Malaysia. - ©BERNAMA



KISONA KEJUTKAN BEKAS PEMAIN NOMBOR SATU DUNIA

KUALA LUMPUR, 25 Mac. - Pemain perseorangan wanita negara S. Kisona mencipta kejutan apabila menewaskan bekas pemain nombor satu dunia Saina Nehwal dari India pada pusingan kedua Kejohanan Terbuka Switzerland 2022 di Basel.

Pada perlawanan yang berlangsung di St Jakobshalle awal pagi tadi, Kisona mencatat kemenangan 17-21, 21-13, 21-13 sekali gus menempah slot ke suku akhir.

Di set pertama, Kisona bermula dengan baik setelah mendahului 15-12, namun Saina tidak menunggu lama untuk bangkit menyamai kedudukan 15-15 sebelum berjaya mengatasi pemain negara 21-17.

Pada set kedua, kedua-dua pemain saling mengejar mata sehingga terikat 8-8 sebelum Kisona beraksi dengan lebih agresif sekali gus berjaya membawa permainan ke set penentuan apabila mencatat kemenangan 21-13.

Di set penentuan, Kisona yang berada di ranking ke-64 dunia diikat pemain ranking 23 dunia itu dengan kedudukan 6-6 sebelum Kisona mendominasi permainan sehingga menamatkan kejayaan 21-13.

Di suku akhir, Kisona akan membuat perhitungan dengan lawan dari Thailand Supanida Katethong yang dijadual berlangsung pada 9 malam waktu tempatan, hari ini.

Sementara itu, tiga pasangan beregu lelaki negara Aaron Chia-Soh Wooi Yik, Ong Yew Sin-Teo Ee Yi dan Goh Sze Fei-Nur Izzuddin Rumsani masing-masing berjaya mengiringi Kisona ke pentas suku akhir.

Turut mara ke peringkat lapan terbaik itu adalah dua pasangan beregu wanita Lim Chiew Sien-Vivian Hoo dan Anna Cheong-Teoh Mei Xing selepas cemerlang mengatasi lawan masing-masing. - ©BERNAMA

Bintang tenis Australia Ash Barty umum persaraan mengejut

SYDNEY, 23 Mac. - Pemain tenis wanita nombor satu dunia, Ashleigh Barty membuat kejutan dengan mengumumkan persaraannya kerana sudah hilang semangat untuk bersaing di pentas antarabangsa.

Pengumuman itu dibuatnya menerusi satu rakaman video yang disiarkan di media sosial pada Rabu, lapor Xinhua.

"Terima kasih kepada semua pihak yang telah menyokong saya sepanjang karier saya," kata pemain berasal dari Australia itu.

Dalam temu bual dengan rakan karibnya, Barty, 25, beliau berkata "Saya akan memberikan segala-galanya ketika beraksi".

"Saya telah memberikan segala yang saya mampu untuk sukan tenis dan bangga dengan apa yang telah saya berikan," kata Barty.

Pengumuman itu dibuat dua bulan selepas Barty muncul sebagai rakyat Australia pertama memenangi Terbuka Australia sejak 1978.

Bintang tenis itu menamatkan kariernya dengan tiga gelaran Grand Slam - Terbuka Perancis pada 2019, Wimbledon 2021 dan Terbuka Australia 2022 dengan menewaskan pemain Amerika Danielle Collins di final. - ©BERNAMA

Ahmad Faizal yakin kemampuan Azizul lakar kejayaan tahun ini

KUALA LUMPUR, 23 Mac. - Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu yakin dengan kemampuan jaguh berbasikal negara Datuk Mohd Azizulhasni Awang, untuk mencipta kejayaan pada dua temasya utama tahun ini - Sukan Komanwel dan Asia.

Malah beliau turut meletakkan keyakinan tinggi ke atas semua atlet negara yang bakal beraksi di Sukan SEA Hanoi pada Mei, Komanwel Birmingham (Julai-Ogos) dan Asia Hangzhou (September) untuk mencipta kejayaan buat negara.

"Saya yakin dengan kebolehan, kesungguhan yang ditunjukkan oleh Datuk Azizul dan para atlet kita. Saya yakin apa juga keputusan yang diperolehi akan menyemarakkan semangat rakyat Malaysia dan berbangga dengan semua atlet kita," katanya kepada pemberita selepas majlis Anugerah Sukan Negara 2019 / 2020 malam tadi.

Terdahulu Mohd Azizulhasni, 34, yang dinobatkan sebagai Olahragawan Kebangsaan buat kali keempat berjanji untuk memberikan sepenuh perhatian bagi memastikan beliau dapat beraksi dengan cemerlang dan sekali lagi mencipta sejarah buat sukan tanah air.

'The Pocket Rocketman' yang sedang menjalani latihan di Melbourne, Australia, menerusi video yang ditayangkan pada majlis itu turut berkata Sukan Komanwel dan Asia kali ini bakal menjadi penyertaan terakhirnya kerana mahu bersara selepas Sukan Olimpik Paris 2024.

Sementara itu Ahmad Faizal berkata pihaknya akan terus memantau keadaan semasa pandemik

COVID-19 di Vietnam, selain turut merujuk kepada nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), mengenai proses penyertaan di Sukan SEA.

Dengan Vietnam mencatatkan 166,205 kes harian pada Ahad, beliau berkata setakat ini pihaknya masih mengikut perancangan untuk menyertai temasya berkenaan yang dijadualkan bermula 12-23 Mei, dengan menitikberatkan keselamatan seluruh kontinjen negara.

Mengulas mengenai kemelut sepak takraw negara di antara dua entiti - Persatuan Sepaktakraw Malaysia dan Konfederasi Sepaktakraw Malaysia (MSC), Ahmad Faizal menasihatkan supaya perkembangan dan kepentingan sukan itu harus menjadi keutamaan semua pihak, berbanding politik di dalam pengurusan persatuan yang tidak menguntungkan sukan itu.

"Apa juga yang kami (kementerian) lakukan, kami ikut peraturan yang sedia ada dan kita juga ada hujah-hujah mengapa kita membuat berapa keputusan-keputusan. Saya melihat keputusan yang dibuat oleh PJS (Pejabat Pesuruhjaya Sukan) adalah tepat dan saya berharap perkara ini tidak berpanjangan," katanya.

PSM sebelum ini dilaporkan mahu mengheret Persekutuan Sepaktakraw Asia (ASTAF) ke Mahkamah Timbang Tara Sukan (CAS) selepas disingkirkan keahliannya, manakala entiti baru MSC diterima sebagai wakil Malaysia selepas mendapat kelulusan daripada PJS dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS). - ©BERNAMA



KANAK-KANAK YANG DIJANGKITI COVID-19



SCAN ME

<https://bit.ly/3pmKocp>



Tahukah Awda

SYARIKAT Penerbangan Diraja Brunei telah memperkenalkan E-Ticketing secara berperingkat meliputi beberapa destinasi perjalanan bermula 5 Julai 2004. Antara kemudahan yang disediakan untuk para pelanggan melalui E-Ticketing ini ialah ia lebih fleksibel dan efisien dari segi tempahan, pengeluaran tiket dan masuk (*check in*). Melalui E-Ticketing juga para penumpang tidak perlu bimbang mengenai kehilangan atau tersalah simpan tiket mereka kerana ia mudah diganti atau ditukar.

Sumber : Pelita Brunei, 25 Ogos 2004.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

"SESUNGGUHNYA ALLAH TIDAK MENERIMA SUATU AMALAN MELAINKAN DILAKUKAN DENGAN IKHLAS SEMATA-MATA KERANA ALLAH"